Hujung Minggu
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيس ايمان

**"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan".**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.04 SUBUH 5.14 SYURUK 6.31 DUHA 6.54 ZUHUR 12.33 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.43
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN **69** BILANGAN **27** | **2 MAC 2024 / 1445 شعبان 21** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI SABTU PERCUMA**

# MASJID AZ-ZAKIREEN MERAGANG DIRASMIKAN



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak sebagai tanda perasmian pembukaan Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang yang kini dikenali sebagai Masjid Az-Zakireen Meragang. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit *(Lihat muka 3 hingga 4).***

# Kebawah DYMM akan berangkat hadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 2 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia yang akan dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone, sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, dengan Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese, pada 5 hingga 6 Mac 2024 di Melbourne, Australia.

Sidang Kemuncak Khas ini diadakan bersempena Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog ASEAN-Australia bagi meningkatkan kerjasama ASEAN-Australia di bawah Perkongsian Strategik Komprehensif yang ditubuhkan pada tahun 2021 serta meneroka peluang-peluang kerjasama baharu bagi menjana pertumbuhan ekonomi, menangani perubahan iklim, menggalakkan penggunaan tenaga bersih dan meningkatkan kerjasama maritim.

Sejak menjadi Rakan Dialog ASEAN pertama pada tahun 1974, ASEAN dan Australia bekerjasama untuk menangani cabaran kompleks yang dihadapi di rantau ini, di mana kerjasama praktikal ASEAN-Australia telah menjadikan rantau ini lebih aman, terbuka, stabil dan makmur.

**>> Muka 5**

# Pelantikan Peguam Negara baharu

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri, Datin Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, dilantik menjadi Peguam Negara bagi menggantikan Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Tarikh pelantikan pegawai kanan berkenaan berkuat kuasa mulai Khamis, 19 Syaaban 1445 bersamaan 29 Februari 2024.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama




**PELITA Brunei hari ini menerbitkan Keluaran Khas Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40**



**KOMITMEN kerajaan untuk menjamin masa depan dinamik** Muka 7



**KEMENTERIAN Pertahanan anjur Kempen Kebersihan** Muka 15




**RADIO kekal relevan sebagai penyalur maklumat semasa** Muka 29

# MMN dihasrat kekal relevan bincang perkara strategik

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH,** bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat bersidang lagi pada hari ini, di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

MMN adalah merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli. Ia dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Beta berharap, Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa peka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku, bukan sahaja di dalam negara, malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Ini semua boleh memberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat perspektif berbeza serta idea-idea baharu, yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan.

Secara khusus, beta juga mahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik akan sentiasa 'turun padang' untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Beta percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat, serta membantu reka dasar kerajaan beta.

Ke arah ini, beta sarankan supaya pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *taskforce* yang diamanahkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik juga disarankan untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan beta dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu yang lain.

Beta difahamkan bahawa menerusi Laporan ASEAN Plus Three Macroeconomic Research Office (AMRO), telah diramalkan bahawa ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4 peratus pada tahun 2024, yang diterajui oleh Sektor Bukan Minyak dan Gas, melalui aktiviti perekonomian dalam sub-sektor pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta perluasan aktiviti dalam Sektor Penapisan Minyak dan Gas Hiliran.

Beta juga telah difahamkan bahawa beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun masih saja belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan.

Tetapi apapun keadaan, pada hakikatnya kita tidak dapat lagi terlalu bergantung kepada semata-mata Sektor Minyak dan Gas, kerana terdapat beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu.

>> Muka 16



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menguriakan titah semasa menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pada Selasa, 27 Februari 2024.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| Mac MASIHI | HARI | Syaaban HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | SABTU | 21 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.54 | 12.33 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 3 | AHAD | 22 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33 | 7.43 |
| 4 | ISNIN | 23 | 5.03 | 5.13 | 6.31 | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33 | 7.42 |
| 5 | SELASA | 24 | 5.03 | 5.13 | 6.30 | 6.53 | 12.33 | 3.47 | 6.33 | 7.42 |
| 6 | RABU | 25 | 5.03 | 5.13 | 6.30 | 6.52 | 12.33 | 3.47 | 6.33 | 7.42 |
| 7 | KHAMIS | 26 | 5.03 | 5.13 | 6.30 | 6.52 | 12.32 | 3.46 | 6.33 | 7.42 |
| 8 | JUMAAT | 27 | 5.02 | 5.12 | 6.29 | 6.52 | 12.32 | 3.45 | 6.33 | 7.42 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 25 °C | 32 25 °C | 33 26 °C |
| Pekan Bangar | 30 25 °C | 32 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 31 25 °C | 32 25 °C | 33 26 °C |
| Kuala Belait | 31 25 °C | 32 25 °C | 33 26 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

2 MAC 2024

# Masjid lambang perpaduan, ukhuwah umat Islam

**MASJID** berperanan sebagai pusat nadi yang terpenting dalam pembentukan masyarakat Islam. Dari segi pandangan umum, peranan masjid tidak lebih sekadar tempat untuk beribadah atau menunaikan solat, sedangkan fungsi sebenarnya jauh lebih luas daripada itu.

Masjid sendiri sebenarnya melambangkan perpaduan dan ukhuwah umat Islam, selain medium untuk menjana serta membangunkan modal insan sama ada dari aspek akhlak atau kerohanian. Pembangunan modal insan menyeluruh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi umat Islam akhirnya.

Jika dilihat ketika zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, masjid memainkan peranan cukup luas mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan serta pusat peluasan agama dan sebagainya.

Masjid adalah sebuah bangunan yang dikhaskan untuk mengerjakan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ia merupakan tempat yang suci dan mulia dalam Islam.

Masjid juga adalah lambang kepada syiar Islam dan merupakan pusat perhimpunan yang menyatupadukan umat Islam yang beribadat dengan lebih khusyuk dan tawaduk di samping sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan dan menerima nasihat serta pengajaran.

Selain itu, masjid juga dianggap sebagai 'rumah' Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka yang diberikan kesempatan untuk memakmurkan dan mengimarahkan rumah-Nya adalah sangat beruntung.

Pengimarahan masjid adalah untuk dilaksanakan kepada semua orang meliputi seluruh lapisan masyarakat dan peringkat umur. Ia bertujuan untuk mengukuhkan akidah Islam supaya semakin mantap justeru dapat memelihara masyarakat dari sebarang penyelewengan akidah, memperbaiki akhlak dan melaksanakan ibadah yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh kerana ia merupakan sebuah tempat yang sangat penting, maka bagi manusia yang mengimarahkan dan memakmurkan masjid diberikan kemuliaan dan kedudukan yang hebat di sisi Islam.

Masjid yang benar-benar berfungsi akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada masyarakat di sekitarnya seperti dalam aspek pembentukan kerohanian, keilmuan dan juga sebagai pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat.

Tidak dapat dinafikan juga, aktiviti ekonomi membabitkan masjid seperti pertanian moden, perniagaan peruncitan, pelancongan, koperasi dan pelaburan hartanah boleh dijadikan medium untuk membantu masyarakat Islam.

Kehidupan di zaman *millennial* yang mana masyarakat lebih banyak berkomunikasi di hadapan komputer dan secara dalam talian, menjadikan perkembangan teknologi faktor penting membangunkan ekonomi menerusi pengimarahan masjid.

Semoga kita bersama-sama memartabatkan institusi masjid dengan lebih baik lagi dan menjadikan masjid mesra masyarakat dan jemaah sehingga hati dan fikiran masyarakat berpaut dan bergantung kepada masjid. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Masjid Az-Zakireen Meragang dirasmikan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).**

**Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin**
**Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**MERAGANG**, Jumaat, 1 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut yang kini dikenali sebagai Masjid Az-Zakireen Meragang.

Manakala, Khutbah Jumaat disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dalam khutbahnya menjelaskan, malu itu terbahagi kepada dua jenis, iaitu malu yang tercela dan malu yang terpuji.

**>> Muka 4**









**KHUTBAH Jumaat disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (atas), manakala gambar kiri, antara jemaah yang hadir.**

Pelita Brunei





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (atas, bawah kiri dan bawah kanan). Manakala gambar kiri, laungan takbir 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut yang kini dikenali sebagai Masjid Az-Zakireen Meragang.**

**>> Muka 3**

Malu yang tercela itu adalah seperti malu untuk bertanya mengenai sesuatu ilmu yang tidak diketahui, manakala malu yang terpuji itu adalah dengan meletakkan malu kepada tempatnya seperti malu untuk melakukan dosa, jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama lagi.

Malu yang terpuji itu juga jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, terbahagi kepada tiga iaitu malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala, malu kepada manusia dan malu kepada diri sendiri.

Yang Mulia dalam khutbahnya menyeru kepada jemaah yang hadir untuk menghiasi diri dengan sifat malu kerana ia adalah perhiasan mukmin sejati dan merupakan benteng yang boleh mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan mungkar dan maksiat.

Sementara itu, Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Keseluruhan kapasiti Masjid Az-Zakireen Meragang ini boleh menampung seramai lebih kurang 2,200 orang jemaah.

Antara kemudahan yang disediakan di masjid berkenaan adalah tandas untuk Orang Kelainan Upaya, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Bilik Pengurusan Jenazah serta tempat letak kereta termasuk untuk Orang Kelainan Upaya.

Bangunan masjid baharu ini dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 8.159 ekar dan menggunakan anggaran peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara berjumlah BND4.3 juta.

Dengan pembukaan Masjid Az-Zakireen Meragang ini diharap dapat memberi keselesaan kepada para penduduk kampung atau jemaah yang menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat serta dihasrat untuk digunakan oleh para penduduk bagi melakukan kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti keagamaan ke arah meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam di kampung tersebut dan di negara ini amnya.










**MASJID Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang yang kini dikenali Masjid Az-Zakireen Meragang (atas), sementara gambar kanan, plak yang ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.**

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT HADIRI SIDANG KEMUNCAK KHAS ASEAN-AUSTRALIA

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

>> Muka 1

Semasa di Melbourne juga nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan mengadakan perjumpaan-perjumpaan berasingan bersama The Honourable Perdana Menteri Australia dan Perdana Menteri New Zealand, The Right Honourable Christopher Luxon, serta akan berkesempatan menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di Australia dan New Zealand.

Kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Australia adalah pada bulan Jun 2023 bagi Keberangkatan Negara; dan pada bulan Mac 2018 bagi menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia di Sydney.




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Australia dan Timor-Leste sebelum berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN-Australia Ke-3 di Jakarta, Republik Indonesia pada 7 September 2023.**

# Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Turkiye dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik (kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Turkiye dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik.

Pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman petang tadi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Dayang Noni Zurainah binti Haji Ismi; Dayang Hajah Sarimah binti Haji Abu Bakar, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; dan Datin Dayang Hajah Maimunah binti Haji Bakar, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Turkiye dan isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik (atas, kiri sekali dan kiri).**

Pelita Brunei

# DPMM FC MARA KE SEPARUH AKHIR



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan di antara pasukan DPMM FC menentang Panchor Murai FC. Juga berangkat menyaksikan, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Masri Osman, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS,** Jumaat, 1 Mac. - Pasukan DPMM FC mara ke separuh akhir Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun setelah menang selesa ke atas Panchor Murai FC dengan keputusan 3 - 0 pada perlawanan suku akhir di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat menyaksikan, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut berangkat menyertai pasukan DPMM FC, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pasukan DPMM FC di bawah bimbingan Ketua Jurulatih, Helme Panjang lebih awal menguasai perlawanan apabila gawang Panchor Murai FC digegarkan melalui sepakan Safwan Zawawi Sazalee pada minit ke-19, sekali gus menambah keriuhan sorakan kira-kira 300 penyokong yang hadir.

DPMM FC terus memberi tekanan kepada Panchor Murai FC dengan memberikan asakan sehinggalah gol kedua tercipta melalui Ketua Pasukan, Muhammad Hakeme Yazid Said pada minit ke-45, setelah sepakannya gagal didakap kemas oleh penjaga gawang Panchor Murai FC. Ketinggalan 2 - 0, Panchor Murai FC menggandakan usahanya untuk mencari ruang untuk menjaringkan gol namun benteng pertahanan kuat DPMM FC gagal dibolosi sehinggalah wisel separuh masa permata dibunyikan.

Bersambung pada babak kedua, perlawanan semakin rancak apabila kedua pasukan mula bertindak ganas dengan bertindak berbalas serangan. Panchor Murai FC dengan jersi hijau tidak berputus asa, terus melancarkan serangan dan membuat beberapa percubaan namun sepakan jelas tersasar dari pintu gawang.

DPMM FC sekali lagi menambah keresahan Panchor Murai FC apabila Awangku Mohd. Syafiq Hilmi berjaya menjaring gol kemenangan bagi pasukannya pada minit ke-78 dan keputusan kekal 3 - 0 hingga wisel penamat dibunyikan.

Sementara itu, pada perlawanan yang berlangsung di Padang 'B', FABD, Wasan FC menang ke atas KB FC dengan keputusan 2 - 1.

Terdahulu pada perlawanan bagi Liga Belia FABD Bawah 15 Tahun 2023 / 2024, pasukan DPMM FC berjaya menjulang trofi kemenangan apabila dinobatkan juara setelah menewaskan Kasuka FC, 1 - 0 pada perlawanan akhir yang diadakan pada sebelah pagi di Padang 'A', FABD.



**TURUT berangkat menyertai pasukan DPMM FC, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**

# Ekonomi negara 2023 catat pertumbuhan positif

**Siaran Akhbar dan Infografik :**
**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Februari. - Ekonomi negara bagi tahun 2023 mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.4 peratus berikutan peningkatan yang berterusan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.5 peratus. Manakala, Sektor Minyak dan Gas mencatatkan penurunan sebanyak 2.0 peratus.

Peningkatan Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan subsektor-subsektor seperti pengangkutan udara sebanyak 75.8 peratus diikuti oleh kewangan 37.4 peratus dan pembinaan 7.5 peratus. Manakala penurunan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan gas cecair asli (LNG).

Pada Suku Tahun Keempat (Q4) 2023, pada harga tetap, ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif sebanyak 6.8 peratus tahun-ke-tahun disebabkan oleh peningkatan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 11.1 peratus dan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 3.1 peratus.

Perkara tersebut antara yang dimaklumkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dalam Siaran Akhbar mengenai KDNK Suku Tahun Keempat 2023 dan Tahunan 2023.




Dalam siaran akhbar tersebut turut memaklumkan bahawa peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan LNG. Peningkatan minyak mentah dan gas asli adalah selaras dengan pengeluaran dari padang minyak dan gas yang baharu. Manakala peningkatan pengeluaran LNG adalah berikutan bekalan gas yang tinggi.

Sektor Bukan Minyak dan Gas terus menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan peningkatan subsektor-subsektor seperti pengangkutan udara sebanyak 29.8 peratus, kewangan 13.9 peratus dan pembuatan Produk Petroleum dan Kimia 11.7 peratus.

Peningkatan Subsektor Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah penumpang udara dan kekerapan penerbangan. Manakala peningkatan Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti perbankan dan insurans. Bagi Subsektor Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia pula, peningkatannya adalah disebabkan oleh pengeluaran produk petrokimia, metanol dan baja urea.

Sumbangan utama KDNK bagi Q4 2023 mengikut aktiviti ekonomi adalah Sektor Industri yang menyumbang sebanyak 60.8 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan 38.3 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan 0.9 peratus.

**KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

| | Q4 2022 | Q4 2023 | Pertumbuhan |
|---|---|---|---|
| | BND Juta | | % |
| Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan | 1,202.6 | 1,233.4 | 2.6 |
| Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah | 1,406.0 | 1,473.6 | 4.8 |
| Pembentukan Modal Kasar | 1,398.4 | 1,252.9 | -10.4 |
| Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan | 938.2 | 1,143.7 | 21.9 |
| Eksport Barangan dan Perkhidmatan | 4,386.7 | 4,307.5 | -1.8 |
| Import Barangan dan Perkhidmatan | 3,448.5 | 3,163.8 | -8.3 |
| **KDNK** | **4,901.7** | **5,236.2** | **6.8** |

Jumlah KDNK, pada harga semasa adalah sebanyak BND5.5 bilion pada Q4 2023 berbanding BND5.7 bilion pada Q4 2022. Daripada jumlah KDNK tersebut, Sektor Minyak dan Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG telah menyumbangkan sebanyak 47.0 peratus. Manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas, di mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 53.0 peratus.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q4 2023 adalah didorong oleh peningkatan eksport bersih barangan dan perkhidmatan sebanyak 21.9 peratus berikutan penurunan import barangan dan perkhidmatan. Ini diikuti oleh perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah dan perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan masing-masing sebanyak 4.8 peratus dan 2.6 peratus. Walau bagaimanapun, pembentukan modal kasar mencatatkan penurunan sebanyak 10.4 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Tahun Keempat dan Tahunan 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui *deps.mofe.gov.bn.*

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# KOMITMEN KERAJAAN UNTUK MENJAMIN MASA DEPAN DINAMIK

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Februari. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang bagi hari ketiga untuk membincangkan dan meluluskan beberapa perkara. Persidangan telah membincangkan Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024 / 2025 yang telah dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan bahawa tujuan Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024 / 2025 adalah untuk membenarkan bagi pengeluaran, sejumlah BND6,250,000,000 bilion daripada kumpulan wang yang disatukan, bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2024 / 2025 dan untuk memperuntukkannya, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan beberapa inisiatif, projek dan pencapaian serta peluang-peluang yang disediakan pihak kerajaan bagi rakyat dan penduduk termasuk bagi sektor swasta ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan beberapa inisiatif, projek dan pencapaian serta peluang-peluang yang disediakan pihak kerajaan bagi rakyat dan penduduk termasuk bagi sektor swasta ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

"Alhamdulillah, syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, serta berkat kepimpinan, kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah mencapai peristiwa penting iaitu Ulang Tahun Ke-40 Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam (NBD). Sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita haruslah rasa bersyukur dan sangat beruntung kerana dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan," ujar Yang Berhormat pada persidangan tersebut yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dalam tempoh empat dekad ini, ujar Yang Berhormat, kita telah melihat negara kita berkembang mengecapi arus kemodenan melalui kemajuan dalam penyediaan infrastruktur dan pembangunan dalam segala bidang, pendidikan yang berkualiti dan inklusif, sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif, hubungan baik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa dan yang penting sekali, usaha-usaha bagi mempelbagaikan ekonomi sudah nampak jelas dan ketara keberhasilannya, dengan sentiasa berpandukan kepada prinsip Melayu Islam Beraja (MIB).

Kemajuan yang dicapai setakat ini, ujar Yang Berhormat, walaupun agak perlahan tetapi amatlah bermakna kepada kita semua dalam memangkin semangat untuk dijadikan sebagai titik tolak untuk kita bersama melipatgandakan lagi usaha secara bersepadu.

"Sektor Bukan Minyak dan Gas kini memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penjanaan peluang pekerjaan melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor utama seperti hiliran minyak dan gas, pemakanan, perkhidmatan, perniagaan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan pelancongan.

"Di samping itu, dengan usaha bersepadu untuk meningkatkan kapasiti modal insan dan keupayaan keusahawanan, negara telah menyaksikan transformasi dalam komposisi struktur dan landskap perekonomian," ujar Yang Berhormat.

Peralihan ini bukan sahaja menggambarkan kemajuan negara ke arah mengurangkan kebergantungannya kepada Sektor Minyak dan Gas tetapi merupakan komitmen kerajaan untuk menjamin masa depan yang dinamik dan berdaya tahan serta memastikan kemakmuran terus dapat dinikmati oleh generasi pada masa ini dan akan datang.

Sebagai usaha berterusan daripada pihak kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi negara, beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan, antaranya adalah melalui pelaburan-pelaburan strategik di dalam Sektor Hiliran Minyak dan Gas ataupun *downstream oil and gas.*

"Alhamdulillah, sejak Wawasan Brunei 2035 dilancarkan pada tahun 2007, peningkatan penglibatan sektor swasta dapat dilihat di mana ia telah menyumbang kepada pembangunan negara dan menghasilkan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas terutamanya melalui penubuhan syarikat-syarikat baharu Pelaburan Langsung Asing ataupun FDI antaranya di Sektor Hiliran Minyak dan Gas, Pemakanan, Perkhidmatan, ICT dan Pelancongan. Penubuhan syarikat-syarikat FDI ini juga telah menjana pekerjaan yang berkualiti bagi anak-anak tempatan.

"Secara amnya, syarikat-syarikat FDI berkenaan berfungsi sebagai *catalyst* yang merangsang pelbagai aktiviti sokongan dan memberikan nilai tambah dalam negara serta menghasilkan kesan *multiplier effect* kepada perkembangan syarikat-syarikat tempatan, di mana lazimnya akan dapat memperoleh manfaat daripada permintaan dan keperluan bagi perbekalan pemakanan, perbankan, pembinaan, logistik, penyelenggaraan fasiliti, pembekalan jentera dan kelengkapan dan lain-lain.

"Projek - projek pelaburan berkenaan juga telah mewujudkan satu landasan atau platform bagi membina kepakaran warga tempatan ataupun *transfer of knowledge* melalui latihan dan pendedahan kepada pelbagai disiplin, termasuk bidang teknikal, komersial dan pengurusan. Seterusnya, syarikat-syarikat tersebut juga dapat membantu usaha negara ke arah mengurangkan kebergantungan kepada import," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu, ujar Yang Berhormat lagi, kerajaan akan sentiasa berusaha dan meneroka peluang-peluang untuk menarik lebih banyak FDI ke negara ini, akan tetapi beberapa perundingan dalam fasa lanjutan (*advanced negotiations*) bersama segelintir



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**

pelabur telah terjejas, disebabkan mereka telah mengambil keputusan untuk meneliti semula perancangan untuk menjadikan NBD sebagai tapak operasi pasca pandemik COVID-19. Di samping itu, Kerajaan juga telah dan akan terus meningkatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat FDI dan GLC yang sedia ada di dalam negeri untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi termasuk meningkatkan produktiviti dan penghasilan produk-produk baharu.

"Selain itu, NBD juga telah memperkukuhkan strategi FDI dengan memberi tumpuan kepada kaedah-kaedah dan prosedur-prosedur bagi memudah cara dan mempercepatkan pelaksanaan projek; dan telah meningkatkan perkhidmatan *aftercare* kepada syarikat-syarikat pelaburan yang sedia ada, bagi membantu dalam mengatasi apa jua cabaran yang dihadapi, serta menerokai potensi pertumbuhan cabang perniagaan atau produk yang baharu," tambah Yang Berhormat.

# Nilai eksport Sektor Bukan Minyak, Gas terus catat peningkatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 29 Februari. - Belanjawan yang telah dibentangkan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang bagi hari ketiga ini, dihasrat akan dapat merangsang lagi pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja di negara ini.

Di samping itu juga, semua perlu bertindak dengan lebih bijaksana dan bertanggungjawab agar setiap perbelanjaan dan pelaburan menghasilkan manfaat secara inklusif kepada semua golongan masyarakat dan mendukung kepada pertumbuhan sosioekonomi.

"Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 pada Selasa, 27 Februari 2024, baginda antara lain telah mengingatkan setiap agensi kerajaan untuk menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.

"Baginda juga menyentuh bahawa kita tidak dapat lagi terlalu bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas semata-mata serta usaha untuk mempelbagaikan ekonomi masih belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan," ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam mengakhiri penjelasan Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024 / 2025 yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Ke arah itu, ujar Yang Berhormat, ia akan memerlukan lebih daripada sekadar perancangan, tetapi memerlukan strategi pelaksanaan yang holistik berasaskan kepada keadaan sebenar dan komitmen ke arah pembaikan yang berterusan. Ia juga memerlukan kepimpinan yang kukuh, ketelusan dan akauntabiliti di semua peringkat kerajaan.

"Alhamdulillah, usaha-usaha dalam mempelbagaikan ekonomi telah menunjukkan perkembangan yang memberansangkan, akan tetapi ia belum bererti usaha kita telah selesai. *We are not done yet and we need to work together and harder.* Ia akan memerlukan usaha yang lebih keras dan untuk kita lebih kukuh bersatu demi meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk di negara ini," tambah Yang Berhormat.

"Dalam hal ini, kaola ingin mengongsikan bahawa sehingga kini, indikator ekonomi negara telah menunjukkan tanda positif di mana pencapaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas telah membuahkan hasil yang positif sejak tahun 2017, di mana secara purata bagi tempoh enam tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2017 hingga 2023, pertumbuhan sektor tersebut telah meningkat sebanyak 4.3 peratus. Ini adalah disumbangkan oleh Aktiviti Hiliran Minyak dan Gas; Perdagangan dan Kewangan," ujar Yang Berhormat.

Perkembangan pencapaian ekonomi juga dapat dilihat melalui sumbangan bukan minyak dan gas kepada perdagangan negara. Jika dibandingkan dengan tahun 2017, ujar Yang Berhormat, eksport bukan minyak dan gas hanya menyumbang sebanyak 3 peratus dan pada tahun 2023, ia telah meningkat kepada 61 peratus.

"Ini adalah didorong oleh Aktiviti Eksport Hiliran Minyak dan Gas serta barangan buatan kilang, di mana pada tahun 2021, Alhamdulillah, buat pertama kalinya, nilai eksport daripada Sektor Bukan Minyak dan Gas telah pun melebihi nilai eksport Sektor Minyak dan Gas. Aktiviti ini juga telah menyumbang kepada pempelbagaian pasaran dan peningkatan volum eksport ke negara-negara seperti Amerika Selatan, Eropah dan Australia. Selain daripada itu, eksport pembuatan makanan negara juga telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti Republik Rakyat China, Singapura, dan Malaysia," tambah Yang Berhormat lagi.

Dalam tempoh yang sama, jelas Yang Berhormat, hasil daripada inisiatif-inisiatif kerajaan dalam meningkatkan modal insan, melalui penyediaan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan kemahiran dan pemahiran semula, kadar pengangguran negara juga telah menunjukkan penurunan daripada kadar 9.0 peratus pada tahun 2017 kepada 5.2 peratus pada tahun 2022. Dalam pada itu juga, sumbangan pekerja di sektor swasta telah menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 53 peratus pada tahun 2014 kepada 69 peratus pada tahun 2022.

Oleh yang demikian, ujar Yang Berhormat, dalam mengharungi cabaran-cabaran yang mendatang dan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, marilah kita semua di sektor awam dan sektor swasta bekerjasama secara bersepadu demi meningkatkan produktiviti untuk membangun negara dan membina masa depan yang lebih makmur agar ia dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi yang akan datang.

"Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-undang Perbekalan Negara Yang Dikeluarkan Dari Peruntukan Kumpulan wang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun Kewangan 2024 / 2025," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapan.

PELITA BRUNEI

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# MEMFOKUSKAN USAHA MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN, PRODUKTIVITI AWAM



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari. - Fokus pertama di bawah Tema Belanjawan pada Tahun Kewangan 2023 / 2024 iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' adalah 'Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam', yang merupakan komitmen kerajaan untuk memelihara kesejahteraan dan kebajikan rakyat dengan meletakkan asas kepada penduduk yang lebih sihat, berpendidikan dan produktif agar generasi semasa dan akan datang dapat sama-sama menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi negara ke arah masa depan yang lebih makmur.

Kerajaan juga akan terus melabur kepada pembangunan infrastruktur dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk yang meliputi pelbagai sektor termasuk pengangkutan, telekomunikasi dan kemudahan asasi seperti pembekalan air dan elektrik, memperluaskan rangkaian perkhidmatan dan penyediaan perumahan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara tersebut semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2024) Perbekalan 2024 / 2025 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2024 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya mengongsikan, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah fokus tersebut iaitu pertama, bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat dan memastikan bekalan yang mencukupi, berkualiti serta *reliable*, harga rancangan sebanyak BND400 juta secara keseluruhan disediakan bagi melaksanakan sebanyak 36 buah projek di bawah RKN12 termasuk Pembinaan Jana Kuasa Combined Cycle Bukit Panggal Fasa 2 serta menaik taraf dan mengukuhkan sistem rangkaian di seluruh negara.

Kedua tambah Yang Berhormat, bagi memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman yang selesa, penyediaan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu untuk dimiliki, kerajaan telah menyediakan Harga Rancangan sebanyak BND277.0 juta untuk melaksanakan sembilan buah projek di bawah RKN12 untuk meningkatkan penyediaan perumahan negara antaranya di Kampung Lugu Fasa 2B; Kampung Rimba Fasa 6; Kampung Salambigar; Kampung Lumut Fasa 7 dan Kampung Tanah Jambu.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan fokus ketiga iaitu bagi pembekalan air yang bersih secara lebih efektif dan *reliable* kepada orang ramai, kerajaan akan memperuntukkan Harga Rancangan sebanyak BND261.1 juta di bawah RKN12 untuk menaik taraf dan memperbaiki sistem loji-loji dan kolam-kolam rawatan serta sistem pembetungan di seluruh daerah.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat, sejak penggabungan infrastruktur rangkaian telekomunikasi pada tahun 2019, Syarikat Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) telah melaksanakan kerja-kerja peningkatan dan penambahbaikan terhadap infrastruktur untuk rangkaian *mobile* yang mana perkhidmatan rangkaian 5G telah disediakan dengan liputan di kesemua empat daerah dan kelajuan sehingga 1,000 *megabit per second* (mbps) di kawasan-kawasan tumpuan (*high-density areas*).

Syarikat UNN juga kata Yang Berhormat, telah berupaya meningkatkan liputan internet termasuk memperluaskan *fibre broadband* ke kawasan luar bandar di mana liputan *fixed broadband penetration* telah mencapai 91 peratus, berbanding 50 peratus pada tahun 2020.

Dengan penggabungan infrastruktur tersebut juga menurut Yang Berhormat, telah dapat menurunkan harga *broadband* dan pelan telefon sebanyak 55 peratus secara purata dan ini sekali gus meningkatkan penggunaan atau pelanggan Internet dan dapat mengurangkan kos operasi perniagaan di negara ini.

Sebagai misalan jelasnya, bagi harga *fixed broadband* tanpa had yang mana sebelum ini adalah pada kadar BND459 dengan kelajuan 100Mbps kepada BND169 pada kelajuan 500Mbps pada masa kini dan bagi tawaran pelan *postpaid* pula, sebelum ini, pelan BND55 hanya memberikan pelanggan data sebanyak 7.5 gigabyte (GB) sahaja; manakala pada masa ini, pelanggan boleh mendapat data yang lebih banyak iaitu 30.0GB dengan harga BND50 sahaja.

Ini tambah Yang Berhormat, akan dapat membantu dan memudahkan perjalanan pendigitalan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah Smart Nation.

"Dalam memenuhi keperluan perkhidmatan ICT yang semakin meningkat, Syarikat UNN sedang membina sebuah pusat pangkalan data ataupun *data centre* yang bertempat di kawasan Tungku sebagai penambahan kapasiti kepada pusat-pusat pangkalan data yang sedia ada.

"Pusat pangkalan data yang baharu ini akan dapat menempatkan sehingga 500 buah rak berbanding sebanyak 112 rak yang sedia ada dan seterusnya akan mendapatkan pensijilan Tier 3 pada awal tahun 2025. UNN juga telah berjaya memperoleh pensijilan piawaian antarabangsa ISO/IEC 27001:2022 pada Mac 2023 bagi perlindungan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan bagi aset dan sistem data dan maklumat organisasi yang diiktiraf pada peringkat global," ujar Yang Berhormat lagi.

# Sentiasa proaktif, bersatu mengambil langkah persiapan holistik

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari. - Dalam meneruskan perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 dan tahun-tahun ke hadapan, negara akan menghadapi lebih banyak cabaran seperti kemajuan pesat dan transformasi teknologi maklumat, peningkatan ancaman siber, ancaman perubahan iklim dan pencemaran alam, perubahan sosial dan demografi, ketidakstabilan geopolitik, evolusi dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran, cabaran kesihatan dan cabaran-cabaran lain yang di luar kawalan kita.

Tambahan pula, sebagai sebuah negara yang terbuka dan bersaiz kecil, kita tidak dapat terlepas daripada faktor luaran ini dan kesannya masih lagi dirasai di beberapa sektor sehingga kini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan Kertas Cadangan Undang-undang Perbekalan 2024 / 2025 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2024.

"Di sebalik cabaran-cabaran tersebut, kita seharusnya mengambil peluang dan menjadikannya sebagai batu loncatan untuk transformasi, inovasi dan kemajuan antaranya melalui hubungan yang baik dengan rakan kongsi serantau dan antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran baharu. Kaola yakin dengan sikap proaktif dan bersatu serta mengambil langkah-langkah persiapan yang holistik melalui kolaborasi erat di antara semua pihak melalui pendekatan Whole of Nation dengan penuh dedikasi dan komitmen, kita akan dapat membina sebuah negara yang akan dapat melindungi masa depan kita malah juga memberikan inspirasi dan menyuntik semangat kepada generasi yang akan datang.

"Alhamdulillah, ekonomi dunia telah beransur pulih pasca pandemik COVID-19 dan dalam keadaan lebih stabil berikutan penurunan kadar inflasi secara konsisten dan pertumbuhan ekonomi yang resilien khususnya pada enam bulan terakhir tahun 2023. Ini adalah disumbangkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan pembekalan dalam ekonomi-ekonomi utama berikutan peningkatan perbelanjaan oleh entiti swasta dan kerajaan; peningkatan ketersediaan tenaga buruh; kecekapan rantaian bekalan serta pengurangan kos tenaga dan komoditi.

"Berikutan prospek pertumbuhan positif dan resilien ini yang dijangka akan berterusan ke tahun 2024, pihak International Monetary Fund (IMF) melalui laporan World Economic Outlook Update keluaran bulan Januari 2024, telah menyemak semula unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2024 kepada 3.1 peratus berbanding unjuran awal 2.9 peratus. Manakala unjuran bagi tahun 2025 masih dikekalkan iaitu berkembang pada kadar 3.2 peratus," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat, kadar pertumbuhan diunjurkan ini adalah sederhana dan masih di bawah purata pertumbuhan bagi tempoh di antara tahun 2000 ke 2019 iaitu sebanyak 3.8 peratus dan jua berkemungkinan berdepan dengan cabaran-cabaran dan ketidakstabilan disebabkan oleh kesan daripada pergolakan geopolitik yang berpanjangan, tekanan inflasi global, risiko ketidakstabilan kewangan global dan peningkatan kesan buruk perubahan iklim.

Berikutan dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global ini kata Yang Berhormat lagi, pihak IMF telah meramalkan jumlah perdagangan global (*global trade volume*) berkembang pada kadar 3.3 peratus bagi tahun 2024 dan 3.6 peratus bagi tahun 2025. Unjuran ini masih di bawah purata sebanyak 4.9 peratus. Prospek pertumbuhan akan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang perlahan disebabkan peningkatan halangan perdagangan ataupun *trade barrier* dan perpecahan geoekonomi ataupun *geoeconomic fragmentation.*

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa pihak Energy Information Administration atau EIA melalui laporan bulan Februari 2024 telah melaporkan bahawa harga minyak Brent secara purata telah meningkat kepada kadar USD80 setong pada Januari 2024.

Ini tambah Yang Berhormat adalah antaranya disebabkan oleh ketidaktentuan yang meningkat terhadap bekalan dan penghantaran minyak dunia berikutan konflik di Timur Tengah dan Laut Merah. EIA seterusnya meramalkan bahawa harga minyak dunia akan meningkat kepada sekitar USD80 ke USD85 setong sebelum ia menurun kepada USD78 setong pada tahun 2025 disebabkan oleh ramalan peningkatan inventori minyak global.



**ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2024 di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.**

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# MENJANA PELUANG PEKERJAAN BERKUALITI BUAT ANAK TEMPATAN

**Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Khamis, 29 Februari. - Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kebanyakan apa yang akan dibelanjakan dalam tahun kewangan yang akan datang tertakluk kepada hasil yang didapati dalam kewangan yang sebelum itu.

Kalau ikut cara perbelanjaan seperti di negeri-negeri lain, mungkin kitani tidak akan mampu untuk memenuhi keperluan semua kementerian.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab persoalan daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menerangkan sebagai negara yang masih membangun (*developing country*), kita mestilah memberi keutamaan kepada menjana masa depan yang baik untuk negara.

"Jadi, langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti yang kaola terangkan dalam beberapa fokus utama dalam perbincangan kitani tadi pagi, iaitu menjanakan modal insan, kitani melabur dalam tenaga kerja kitani supaya mereka meningkatkan kemahiran, supaya mereka dapat menolong negara untuk membangun ekonomi," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

Sementara itu tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kerajaan juga mengusahakan untuk mengembangkan lagi ekonomi, menarik FDI menubuhkan GLC's dan menggalakkan PPP dan sebagainya untuk mengembangkan lagi ekonomi, sekali gus menjanakan lagi lebih banyak pekerjaan yang berkualiti untuk anak-anak tempatan yang merupakan salah satu fokus utama (meningkatkan kemahiran tenaga kerja).

Dalam masa yang sama juga, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan, kita akan terus menjaga kesejahteraan orang ramai, membangun hospital, menambah baik infrastruktur dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan walaupun hasil yang didapati dalam Tahun Kewangan sebelum ini tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pada Tahun Kewangan yang akan datang, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam teruskan juga mengalami defisit supaya diharapkan tenaga kerja *kitani* ini terus meningkatkan kemahiran mereka.

"*Kitani* usahakan jua menarik FDI supaya suatu hari nanti kitani dapat sama-sama membangun negara, membangun ekonomi *kitani*.

"Inilah yang diharapkan dari setahun ke setahun.



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**

"Oleh kerana itu, tema *kitani* ini berterusan untuk membina *build-in*, iaitu *invest in our future,*" ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

> **"KITANI usahakan jua menarik FDI supaya suatu hari nanti kitani dapat sama-sama membangun negara, membangun ekonomi kitani. "Inilah yang diharapkan dari setahun ke setahun. "Oleh kerana itu, tema kitani ini berterusan untuk membina 'build-in', iaitu 'invest in our future'."**

## Hasil kerajaan dipertingkatkan, kurangkan perbelanjaan tidak perlu



**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.**

**BERAKAS,** Khamis, 29 Februari. - Bagi mengurangkan defisit setiap tahun, hasil kerajaan haruslah dipertingkatkan, sementara perbelanjaan yang tidak perlu (*wasted expenditure*) haruslah dikurangkan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis MMN yang bersidang petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Soalan itu (mengurangkan defisit) saya rasa kalau *kitani* fikirkan senang untuk dijawab.

"Tingkatkan sahaja hasil kerajaan ataupun mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menerangkan kajian perlulah dibuat supaya setiap polisi yang dibuat (mengurangkan perbelanjaan) tersebut tidak menjejaskan golongan yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menerangkan dalam usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan, pada masa ini antaranya langkah yang telah dilaksanakan adalah dengan menarik lebih banyak 'FDI Corporatization' bagi beberapa perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kerajaan dengan tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan yang sedia ada.

"Memang itu satu jawapan yang senang dijawab tapi pelaksanaannya memang akan mengambil masa dan kerjasama dari semua pihak," tegas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

## Kembangkan potensi pelancongan Islam

**Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS,** Khamis, 29 Februari. - Penggunaan teknologi digital setentunya akan mempermudahkan cara kerja dengan lebih efisien dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas rutin.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin semasa membahaskan mengenai wang peruntukan bagi pembentangan Kertas Belanjawan Tahun Kewangan 2024 / 2025 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan kerajaan telah giat berusaha di arah inisiatif ke arah pelan transformasi *digitalization*.

"Kaola mengharapkan agar pelan ini diberi penilaian yang seimbang terhadap semua pihak dalam jabatan-jabatan serta orang awam.

"Kaola mengambil maklum terdapat belanjawan yang cukup besar untuk inisiatif yang menyokong sektor kesihatan termasuk peningkatan kualiti perkhidmatan dan penyediaan di Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

"Ini pasti akan meningkatkan potensi pelancongan perubatan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara," kata Yang Berhormat.

Pihak kerajaan tambah Yang Berhormat, telah melakukan pelbagai usaha untuk membangunkan sektor pelancongan termasuk dalam bidang promosi dan pembangunan infrastruktur lapangan terbang yang moden dan cekap.

"Kaola juga menggalakkan pelancongan Islam dengan lebih aktif.

"Ini boleh dilakukan dengan mempromosikan infrastruktur pelancongan Islam seperti masjid-masjid dan Balai Khazanah yang menggambarkan konsep Melayu Islam Beraja," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga gembira mengenai *substitute* import seperti yang dibentangkan pagi tadi, dan seterusnya mencadangkan senarai produk tempatan dengan harga berpatutan untuk orang ramai.

"Seperti kaola fahami, sebahagian besar pendapatan negara kita datang dari minyak dan gas, adalah lebih baik bagi kita untuk mempercepatkan projek *renewable energy* yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga.

"Kaola mengambil maklum bahawa kos Belanjawan 2024 / 2025 ini semakin meningkat dan adanya cabaran dalam pelaksanaan projek-projek di bawah perbelanjaan tersebut.

"Oleh itu, kaola mencadangkan bagi setiap projek mempunyai Key Performance Indicator (KPI) yang merangkumi peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Brunei," ujar Yang Berhormat lagi.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.**

PELITA BRUNEI

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# PELBAGAI INISIATIF DALAM MENARIK FDI BAHARU

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS,** Khamis, 29 Februari. - Rang Undang-undang Belanjawan Tahun 2024 / 2025, kali ini menjurus untuk mencapai objektif sebagai pelaburan masa depan yang akan meningkatkan kemakmuran negara dan dapat memperbaiki kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk pada masa kini dan akan datang.

Terdahulu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim telah menerangkan bahawa kertas belanjawan tahun 2024-2025 ini meliputi hampir kesemua aspek-aspek utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan, dinamik dan berdaya saing.

"Kaola juga bersyukur dan turut gembira atas inisiatif-inisiatif yang telah diusahakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam menarik FDI baharu yang akan men*transform* struktur dan landskap ekonomi ini dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas," jelas Yang Berhormat semasa hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga mengalu-alukan usaha meningkatkan sumbangan syarikat usaha sama GLC's dan pelabur luar asing dalam sektor agribisnes dan pemakanan.

Begitu juga tambah Yang Berhormat, usaha-usaha bersepadu dalam meningkatkan *capacity building* dalam kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini melalui latihan teknikal komersial dan berbilang kepakaran.

"Kita juga mengalu-alukan inisiatif yang berhubung kait dengan memperkesankan *connectivity* dalam bentuk perkhidmatan yang *affordable* dan usaha-usaha transformasi digital dalam sektor kerajaan dan swasta," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap agar inisiatif-inisiatif ini akan memberi impak yang meluas dan *across the board, on the ground* dan akan dapat meningkatkan lagi taraf hidup dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini khususnya dalam aspek sosioekonomi.

Inisiatif-inisiatif ini terang Yang Berhormat, akan merangsang dan mengaktifkan lagi aktiviti ekonomi sekali gus menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini dengan langkah-langkah tersebut selaras dengan tema Belanjawan Tahun 2024 / 2025, iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur'.

Di dalam Belanjawan 2024 / 2025 ini jelas Yang Berhormat, kerajaan telah menambah peruntukan keseluruhannya sebanyak kira-kira BND290 juta yang merupakan peningkatan sederhana, sebagai langkah berhati-hati dengan kerajaan perlu mengukuhkan kewangan negara terutamanya dalam keadaan ekonomi global yang walaupun lebih stabil namun masih kurang dan sukar diramal.

"Lebih-lebih lagi dalam suasana geopolitik yang semakin mencabar ketika ini yang boleh sahaja menjejaskan harga komoditi utama negara.

"Walau bagaimanapun, kaola berpendapat bagi mempraktikkan perbelanjaan berhemah, kita juga perlu membuat perseimbangan dasar supaya ia hendaklah mesra pertumbuhan (*growth friendly*) supaya masih dapat merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi yang berimpak tinggi di samping meningkatkan pendapatan hasil negara untuk mengurangkan defisit belanjawan dan membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan baru dan berkualiti.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga menjelaskan mengenai peruntukkan bagi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 adalah berdasarkan mengikut keperluan kerajaan.

"Projek-projek di RKN-12 ini mengikut keperluan kerajaan supaya kitani dapat menyediakan infrastruktur yang mencukupi untuk kitani belanja untuk meningkatkan kemahiran anak-anak tempatan dan sebagainya.

"Projek-projek di bawah RKN-12, dipandukan oleh Wawasan Brunei 2035, iaitu 305 projek dibagi-bagikan untuk menyokong kesemua matlamat wawasan negara, begitu juga dengan *enablers project*," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut menerangkan kerajaan juga mengusahakan untuk mengembangkan lagi ekonomi negara dengan menarik Foreign Direct Investment (FDI) bagi menubuhkan Government



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Link Companies (GLC) dan menggalakkan Public Private Partnership (PPP) dan sebagainya untuk mengembangkan lagi ekonomi untuk menjanakan lebih banyak pekerjaan yang berkualiti untuk anak-anak tempatan, dan ia sudah menjadi dalam satu fokus utama negara untuk sentiasa meningkatkan kemahiran tenaga kerja.

Tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kita juga seharusnya menjaga kesejahteraan orang ramai, membangun hospital, menambah baik infrastruktur dan sebagainya.

## Memperkasa pertumbuhan ekonomi dengan utamakan penyelidikan, perkembangan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS,** Khamis, 29 Februari. - Pada sesi petang hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), dalam ucapan Ahli MMN dari kalangan Orang Yang Bergelar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof telah menyuarakan beberapa isu penting yang berkaitan dengan pembangunan negara.

Yang Berhormat telah menekankan kepentingan penyelidikan dan perkembangan ataupun *research and development.*

Menurut Yang Berhormat sebagaimana pengalaman negara-negara maju peruntukan penyelidikan dan perkembangan diberi keutamaan sehingga mencecah purata tiga hingga lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun Gross Domestic Product (GDP) negara itu.

Antara contoh yang diberikan ialah dari negara Korea Selatan, dan menurut Yang Berhormat Pehin peruntukan bagi penyelidikan dan perkembangan mencecah 4.8 peratus daripada GDP negara itu, manakala negara Jepun pula ialah 3.5 peratus, Jerman 3.13 peratus dan Belgium 3.4 peratus.

Menurut Yang Berhormat lagi, negara-negara ini sedar akan kepentingan penyelidikan dan dalam menyumbang dan memperkasa pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik dan *sustainable*.

"Di samping itu juga antara manfaat dan faedah yang dapat diperoleh dari mengutamakan penyelidikan dan pembangunan ialah ia dapat mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan profesional, mencipta lebih banyak produk dan mewujudkan industri aliran yang baharu serta meningkatkan inovasi, kreativiti dan keusahawanan, meningkatkan produktiviti dan juga menarik lebih banyak lagi pelaburan langsung dan juga peniaga-peniaga asing di negara-negara berkenaan.

"Justeru itu, Negara Brunei Darussalam sepatutnya juga lebih mengutamakan dan meningkatkan lagi peruntukan yang khusus yang berhubung kait dengan penyelidikan dan pembangunan bagi membolehkan pembangunan dan kemajuan yang lebih signifikan dan dinamik dan berdaya ke arah Wawasan Brunei 2035," kata Yang Berhormat semasa persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Seterusnya, Yang Berhormat memohon pencerahan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, sama ada peruntukan bagi penyelidikan dan pembangunan di negara ini diperuntukkan bagi Tahun 2024 / 2025 dan dalam perancangan kemajuan dan adakah ia mencukupi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan mencapai Wawasan Brunei 2035 dan berapa peratus daripada GDP negara yang diperuntukkan untuk penyelidikan dan pembangunan.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai perancangan strategik dan inisiatif kerajaan berkenaan aktiviti perekonomian negara khususnya dalam membangun lima sektor utama yang dikenal pasti yang bukan minyak dan gas untuk dipesatkan pertumbuhannya lebih-lebih lagi dalam industri berorientasikan *export product*.

Yang Berhormat menzahirkan rasa teruja mendengarkan perancangan-perancangan yang telah disusun dan mendoakan agar perancangan-perancangan tersebut berjaya untuk dilaksanakan sepenuhnya mengikut apa yang dihasratkan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat menggariskan keperluan untuk bersiap siaga menghadapi kemungkinan risiko yang boleh merencatkan perancangan dan pengeluaran produk.

Antara perkara-perkara perlu ditangani dan diambil perhatian jelas Yang Berhormat ialah kemungkinan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah (*raw material*) yang tidak mencukupi dari luar negeri yang boleh menjejaskan pengeluaran terutama sekali untuk dieksport, kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan mentah dalam waktu yang ditetapkan bagi mengelakkan tergendalanya pengeluaran-pengeluaran produk, dan tenaga kerja yang tidak mencukupi selain masalah-masalah berhubung kait dengan pekerja-pekerja yang kadang-kadang berhenti dan tidak bekerja dalam waktu yang ditetapkan.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa peruntukan pada tahun ini banyak memberikan perhatian kepada infrastruktur perniagaan dan pembangunan industri-industri dalam sektor bukan minyak dan gas dengan hasrat untuk mentransformasikan struktur ekonomi negara ke arah yang lebih mampan sekali gus menyediakan skim latihan berdasarkan kepada keperluan industri peniaga tempatan.

Selain itu Yang Berhormat juga menyentuh mengenai isu-isu sosial yang penting seperti pembasmian kemiskinan dan mengurangkan pengangguran, serta rancangan tindakan yang jelas bagi setiap jabatan berkaitan untuk menangani isu-isu tersebut.

Terdahulu, Yang Berhormat menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, kerana memberikannya peluang untuk membahaskan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025.

Yang Berhormat juga mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kerana berjaya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 dengan penuh komprehensif.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# JADIKAN PERSIDANGAN MMN SEBAGAI WADAH MELAHIRKAN BUAH FIKIRAN MEMBINA



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.**

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menyembahkan junjung kasih yang setinggi-tingginya dan menjunjung tinggi di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli dan seterusnya mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada 27 Februari lalu.

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sesungguhnya amat bernas dan mengandungi banyak nasihat untuk kita amat-amati dan juga junjung serta dijadikan panduan dan sandaran bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

"Ia juga jelas mencerminkan pemedulian dan keprihatinan baginda terhadap kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Sesungguhnya baginda menaruh harapan yang tinggi agar Persidangan MMN ini dapat kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara ini.

"Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat diharapkan dapat berganding bahu dan menjadikan Persidangan MMN ini sebagai wadah melahirkan buah fikiran yang membina dalam sama-sama membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara," jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN ketika berucap pada pembukaan hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, baginda juga melahirkan harapan yang tinggi agar Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa peka mengikuti perkembangan mengenai isu-isu yang menjadi kepentingan kepada rakyat dan negara, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara.

Ini setentunya, tegas Yang Berhormat memberikan perspektif berlainan dan membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat menyumbangkan idea-idea dan input dalam membawa perubahan positif dan setentunya memacu kemajuan dalam bidang-bidang tertentu.

"Begitu juga dengan pihak-pihak yang berkenaan yang seharusnya memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam bidang-bidang tertentu serta meneliti dan mengambil baik cadangan-cadangan yang dikemukakan itu dengan seelok-eloknya dalam usaha untuk menambah baik dasar, program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Semua ini sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setentunya memerlukan penglibatan dan permuzakarahan yang berterusan secara inklusif bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan, termasuk dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan para penduduk di negara ini," tegas Yang Berhormat lagi.

# Pastikan perancangan strategik sejajar, selaras Wawasan Brunei 2035

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Februari. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim menyeru kepada semua pihak di negara ini, khususnya warga Perkhidmatan Awam dan sektor swasta untuk sama-sama menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi tahun 2024.

"Berusaha dengan gigih, komitmen dan tanggungjawab dan bekerjasama melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang mendukung kepimpinan dan hasrat baginda ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

"Salah satu faktor penting dalam memastikan kejayaan wawasan tersebut ialah pensejajaran bagi semua agensi kerajaan mahupun swasta dikehendaki untuk memastikan perancangan strategik masing-masing adalah sejajar dan selaras dengan matlamat wawasan berkenaan".

Usul tersebut adalah antara yang digariskan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM dalam Perkara V pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Dalam masa yang sama ia juga meningkatkan kolaborasi antara pelbagai agensi dan pihak yang berkepentingan untuk mengenal pasti dan menangani *common and crosscutting issues dan challenges* yang memberikan kesan kepada pelbagai pihak khususnya masyarakat.

"Usaha-usaha seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan akauntabiliti dan menggalakkan penggunaan sumber yang optimum di samping mengelakkan duplikasi dan pembaziran," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menyarankan agar Kementerian-kementerian sentiasa meneliti semula, mengemas kini dasar-dasar peraturan, prosedur kerja yang sedia ada di samping menggunakan dan memanfaatkan sepenuhnya kepesatan dan kecanggihan teknologi digital sebagai langkah berterusan ke arah mengurangkan birokrasi, mempercepatkan proses dan meningkatkan ketelusan produktiviti serta kualiti perkhidmatan yang diberikan di samping membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang peraturan dan etika kerja seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan mengenai titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu peranan MMN sebagai medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli yang dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Jelas Yang Berhormat lagi, baginda menekankan mengenai kepentingan bagi Ahli-ahli MMN untuk sentiasa peka mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara, bahkan juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa bagi memberikan perspektif berbeza serta idea-idea baru yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan.

"Baginda juga menyeru supaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing bagi memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan.

"Ahli-ahli Yang Berhormat juga, baginda sarankan untuk melaksanakan inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dan menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan, kapasiti sumber tenaga manusia termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain," tegas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai ekonomi negara, Yang Berhormat menjelaskan Kebawah DYMM mengambil maklum bahawa berdasarkan Laporan ASEAN Plus Three Micro Economic Research Office (AMERO), ekonomi Negara Brunei Darussalam diramalkan akan mengukuh kepada 2.4 peratus pada tahun 2024 yang diterajui oleh Sektor bukan Minyak dan Gas melalui aktiviti perekonomian dalam beberapa subsektor termasuk pertanian, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta peluasan dalam sektor penapisan minyak dan gas asli.

Baginda juga, jelas Yang Berhormat mengambil maklum bahawa beberapa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun ia masih belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan.

"Oleh yang demikian, baginda menyarankan supaya negara tidak lagi terlalu bergantung pada Sektor Minyak dan Gas semata-mata disebabkan terdapatnya beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu.

"Dalam hubungan tersebut, baginda menyarankan supaya usaha-usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara akan terus dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada industri-industri strategik yang berpotensi untuk berjaya. Pada masa yang sama, memberikan perhatian kepada isu semasa seperti pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim," kata Yang Berhormat lagi.

Baginda seterusnya, tegas Yang Berhormat menekankan supaya hala tuju pengeluaran minyak dan gas diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

Kebawah DYMM seterusnya juga jelas Yang Berhormat menyentuh mengenai perbelanjaan kerajaan yang dilihat semakin meningkat tahun demi tahun, namun demikian baginda bersyukur kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

Dalam hal tersebut, Yang Berhormat memaklumkan bahawa baginda menitahkan agar setiap agensi kerajaan menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.



**YANG Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.**

Yang Berhormat juga menjelaskan di mana Kebawah DYMM menyentuh mengenai peranan dan kepentingan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dalam menjana pembangunan negara dan dalam mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, dalam mana baginda berharap supaya projek-projek RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang telah ditentukan.

"Baginda seterusnya berharap blueprints yang berkaitan dengan perekonomian akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan akan dapat menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu," jelas Yang Berhormat lagi.

PELITA BRUNEI

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# KEBERKESANAN PERKHIDMATAN PERLU DIIMBANGI PERANCANGAN, PELAKSANAAN BELANJAWAN

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) terus mengingatkan kita semua bahawa dalam mengejar kemajuan dan perkembangan pembangunan negara ini, kita tidak lepas dari persekitaran global yang dipengaruhi ketidaktentuan ekonomi dunia juga politik, krisis kesihatan termasuklah kepentingan berkaitan perubahan iklim.

Justeru ia juga menuntut setiap sektor di negara ini untuk lebih bijak dalam menyusun atur perancangan masing-masing sebagai menyesuaikan kepada trend berkenaan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesinambungan dan pencapaian keberhasilan yang sepenuhnya.

Titah baginda berkenaan turut menekankan komitmen tinggi kerajaan pada memastikan keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan khasnya untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini.

Namun keberkesanan yang dihasratkan tersebut perlulah diimbangi dengan perancangan dan pelaksanaan belanjawan serta berhemah serta menitikberatkan pelaburan yang memberikan pulangan yang bermakna atau *value for investment.*

Demikian antara yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyokong usul Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim iaitu usul menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat memetik mengenai titah Kebawah DYMM yang menyarankan agar pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan sepenuhnya pengalaman dan pengetahuan Ahli-ahli MMN khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *task force* yang diamanahkan.

"Kurnia titah bernas baginda ini bukan sahaja menitikberatkan keseimbangan dalam perencanaan sebarang keputusan yang diambil oleh pihak kerajaan, iaitu dengan memastikan keterlibatan pihak-pihak berkepentingan lainnya dalam proses tersebut malah turut mengiktiraf keupayaan ahli-ahli majlis berdasarkan pengalaman dan pengetahuan masing-masing.

"Perkara berkeutamaan yang terakhir dari petikan titah baginda berkenaan menyentuh perbelanjaan kerajaan yang semakin meningkat tahun demi setahun, namun kerajaan masih mampu menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

"Sehubungan itu, baginda menegaskan kepentingan setiap agensi kerajaan menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk rakyat negara ini," jelas Yang Berhormat lagi pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Baginda juga tegas Yang Berhormat menekankan kepentingan untuk tidak lagi bergantung pada Sektor Minyak dan Gas bagi ekonomi negara.

Namun begitu, kata Yang Berhormat hala tuju Sektor Huluan Minyak dan Gas mesti sahaja perlu dikekalkan dan terus diaktifkan di samping usaha-usaha memperkembangkan Sektor Hiliran serta memastikan keterjaminan bekalan elektrik dan bahan-bahan api.

Dalam pada itu tekan Yang Berhormat lagi adalah wajar bagi usaha-usaha diteruskan dan dipertingkatkan oleh kesemua pihak yang bertanggungjawab secara bersepadu.

Yang Berhormat seterusnya mengajak semua ahli-ahli yang dilantik untuk berbincang dengan mengamalkan sifat keterbukaan dan syura, mengutarakan pandangan serta pendapat dalam isu yang berkepentingan kepada negara.

"Namun apa yang utama ialah berasaskan data-data dan maklumat yang betul dan relevan sebagai menekankan pendekatan *evident base* dan juga *solution base.*

"Dengan cara ini juga akan mempermudahkan lagi pihak-pihak berkaitan dalam kerajaan untuk membuat penyesuaian terhadap sebarang dasar dan peraturan sedia ada yang berhubung kait dengan isu yang ditimbulkan termasuklah sebarang saranan ke arah memperkesankan perancangan dan pelaksanaan bidang-bidang yang menjadi tumpuan sektor-sektor utama di negara ini.

"Ini adalah selaras dengan kurnia titah Kebawah DYMM, yang menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dalam usaha-usaha menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuklah dalam kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu," tegas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat sangat yakin dengan pengalaman luas Ahli-ahli MMN yang pernah berkhidmat dengan kerajaan mahupun mencapai kecemerlangan melalui penglibatan di sektor swasta serta dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebeliaan, perniagaan dan seumpamanya mempunyai kelebihan dalam memberikan pandangan atau saranan dari pelbagai sudut untuk membantu pihak kerajaan merancang serta melaksanakan inisiatif untuk memajukan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

# Galak generasi muda menceburi bidang perniagaan



**AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.**

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mencemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada Selasa, 27 Februari 2024 dan menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Di dalam titah jelas Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat inisiatif-inisiatif ke arah membantu kerajaan dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk dalam kalangan para pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu yang lain.

"Saranan baginda ini merupakan *minus point* ke arah memperkukuh kerjasama semua pihak melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation Approach," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, ini termasuklah kerjasama pelbagai pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan pelbagai program kesedaran ke arah memastikan seluruh rakyat memahami istilah pembangunan mampan dan diterjemahkan dalam aktiviti harian dengan menyasarkan lebih banyak penglibatan dan sumbangan daripada golongan belia dalam membentuk masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan memberi penekanan kepada inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Dengan itu jelas Yang Berhormat, dengan semangat, sokongan dan keupayaan mereka untuk inovasi, golongan belia mempunyai kuasa untuk mengubah cabaran iklim menjadi batu loncatan ke arah masa depan yang lebih berdaya tahan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat berharap inisiatif dan insentif perlu dipertingkatkan secara berterusan bagi menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang perniagaan khususnya sektor perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dianggap penting memandangkan ia memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan ekonomi negara sekali gus melahirkan usahawan muda berjaya.

Jelas Yang Berhormat lagi, usahawan muda yang berjaya bukan sahaja mencipta perniagaan baharu malahan meningkatkan peluang pekerjaan dan sebagainya.

"Kejayaan usahawan muda dalam bidang perniagaan IKS memberikan satu impak positif dalam pembangunan ekonomi negara.

"Bagi mencapai hasrat ini kajian perlu dijalankan yang bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong kejayaan usahawan muda tempatan dalam perniagaan IKS di NBD," jelas Yang Berhormat lagi pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dengan ini jelas Yang Berhormat, program-program diungkayahkan hendaklah melalui landasan yang tepat bagi memastikan para usahawan dilengkapi dengan alatan dan cerapan yang diperlukan untuk mengatasi cabaran landskap perniagaan yang sering berubah dan mendorong mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih besar di pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat juga turut menyarankan semua pihak seharusnya menanai titah baginda sebagai cabaran bagi ke arah mengerakkan agenda kemajuan negara termasuklah merangka pelan-pelan strategik yang inklusif yang juga mengambil kira mewujudkan projek-projek transformasi ke arah mencipta iklim dan ekosistem perniagaan baharu yang dapat dimanfaatkan oleh semua golongan.

Ini termasuklah tambah Yang Berhormat, menaik taraf infrastruktur dan bangunan perniagaan sedia ada kepada yang lebih relevan mengikut perubahan masa.

Selain itu kata Yang Berhormat, menggubal dasar dan polisi bersangkutan dengan peraturan serta syarat yang memberi peluang kepada para peniaga baharu untuk berniaga.

Selain daripada itu jelas Yang Berhormat, perkara berkenaan penting untuk diberi perhatian sewajarnya kerana masih sahaja lagi dapati bangunan-bangunan perniagaan yang masih kekal tidak mengalami perubahan, ada juga dibiarkan kosong dan yang paling menyedihkan tidak dikunjungi pelanggan kerana tidak mempunyai tarikan.

"Kaedah konsep kepelbagaian atau *multi-functional concept* aktiviti perniagaan yang digunakan oleh negara-negara maju boleh sahaja diguna pakai sebagai pencetus perubahan dengan kompleks pasar ikan dan sayur juga dijadikan sebagai tempat riadah, pusat membeli-belah, berurus niaga dengan pihak bank dan sebagai tempat tarikan pelancong," ujar Yang Berhormat lagi.

## Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

# EKONOMI DIGITAL PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ini, kepentingan ekonomi digital akan ditekankan.

Ini adalah penting kerana menurut Setiausaha Agung ASEAN menjelang tahun 2030 ASEAN akan menjadi ekonomi ke-4 terbesar di dunia. Dengan ekonomi digitalnya dijangka berkembang kira-kira USD300 bilion kepada USD1 trilion.

Digital Masterplan 2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi menggambarkan bahawa ekonomi digital adalah pemaju penting dalam mengubah Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi negara pintar dengan sokongan kerajaan digital, ekonomi digital dan masyarakat digital.

Perkara tersebut antara yang digariskan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dalam ucapan Junjung Kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN di Dewan Majlis dalam usul yang telah dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

Tambah Yang Berhormat, Pelan Tindakan Ekonomi NBD juga bertujuan untuk mencapai pembangunan ekonomi yang mampan dalam mana Kerajaan telah merancang untuk mengembangkan Sektor Bukan Minyak dan Gas melalui penerokaan aktiviti ekonomi baharu dan pendekatan lima sektor utama seperti Information and Communication Technology iaitu ICT.

"Di samping itu, pandemik COVID-19 memang tidak dapat dinafikan telah membentuk semula landskap ekonomi dan sosial negara yang membawa kepada kemunculan perusahaan baharu dan perubahan corak dari aspek pengguna.

Berkembangnya perniagaan dari rumah dari sektor makanan dan minuman telah mempamerkan daya tahan dan semangat inovatif komuniti dan rakyat Negara Brunei Darussalam," jelas Yang Berhormat.

Penyesuaian ini secara tidak langsung, tambah Yang Berhormat, telah mendorong dalam mempertimbangkan bagaimana kita dapat mengintegrasi perkembangan ekonomi ke dalam kepelbagaian strategi.

Walaupun potensi pertumbuhan ekonomi digital Brunei adalah memberangsangkan, jelasnya, persoalan mengenai perkembangan magnitud dalam bersama meneliti kesan ekonomi terhadap inisiatif transformasi digital serta memantau kemajuan ekonomi digital adalah penting untuk dititikberatkan melalui strategi nasional yang komprehensif.

"Tambahan pula, dengan lonjakan penggunaan digital secara tidak langsung akan dapat meningkatkan ancaman siber yang tidak dapat dielakkan. Peningkatan ketara dalam kerugian dan penipuan global atau *scam* telah mendesak pihak berkepentingan untuk membuat strategi dalam menangani jenayah siber secara komprehensif.

"Di samping itu, cabaran ini juga secara tidak langsung akan dapat membuka peluang pekerjaan dalam sama-sama menangani isu jenayah siber di dalam dunia digital," tambah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang mana baginda mengingatkan supaya sentiasa bertanggungjawab dalam menjayakan matlamat negara dan kepentingan rakyat NBD.



**AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.**

"Dengan kebijaksanaan dalam titah baginda, kaola selaku Ahli Yang Berhormat MMN akan sedaya upaya menitikberatkan kepentingan dalam mengikuti perkembangan yang berlaku serta isu semasa sama ada di dalam mahupun di peringkat global. Secara komprehensif, hal ini akan membantu dalam mencadangkan segala isu serta memberi penyelesaian yang bermaklumat dan holistik," tambah Yang Berhormat.

# Dukung perbincangan strategik ke arah pembangunan, kemajuan negara





**AHLI-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh: Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Februari. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari kedua sebelah petang tadi bertempat di Bangunan Dewan Majlis menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Usul Junjung Kasih adalah bagi menyembahkan dan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam masing-masing menjunjung tinggi inti pati daripada titah baginda yang sangat padat dengan nasihat yang mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terutama sekali dengan menekankan terhadap Sektor Bukan Minyak dan Gas seperti sub-sektor pertanian sebagai salah satu usaha dalam meluruskan, mempelbagaikan dan mempertingkatkan ekonomi negara.

Selain itu, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara juga menjadi keutamaan dalam perhatian baginda.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Awang Lau How Teck turut merakamkan penghargaan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi berkepentingan seperti menjalankan *start-up capital* bagi para belia dan lepasan graduan yang dapat memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan teknologi moden dalam industri tanaman.

Semoga inisiatif-inisiatif seperti ini ujarnya, akan dapat menggalakkan lagi penyertaan anak tempatan untuk bergiat aktif, menceburi diri dalam industri pertanian secara kolaboratif, inklusif dan inovatif.

Seterusnya, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah mengingatkan mengenai hasrat Kebawah DYMM agar Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa peka mengikuti perkembangan semasa di dalam dan luar negara untuk mempertingkatkan kemajuan sektor-sektor yang menjadi bidang fokus utama negara serta dapat meninjau dan meneroka idea-idea baharu yang lebih kreatif meskipun dari luar negara dan mengambil amalan-amalan terbaik yang bersesuaian dengan konsep negara kita untuk diadaptasikan dalam sektor-sektor yang relevan.

Yang Berhormat juga turut mengulas mengenai aktiviti bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkepentingan yang sudah dilaksanakan dari semasa ke semasa dalam kumpulan yang besar seperti permuzakarahan bersama kementerian-kementerian dan juga dalam kumpulan yang kecil ke agensi-agensi kerajaan serta swasta yang difokuskan mengikut keperluan dan agenda.

"Kaola menjunjung tinggi usul baginda ini kerana impaknya berdasarkan pengalaman khususnya pada lawatan dalam kumpulan yang kecil ini ternyata lebih berkesan untuk mendapatkan maklumat terperinci dan menjalankan kerjasama yang lebih produktif.

"Ia juga membukakan ruang untuk perbincangan yang lebih terbuka dan efektif bagi meningkatkan masyarakat serta membantu reka bentuk dasar-dasar yang ada dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan insyaAllah siri lawatan dalam kumpulan yang kecil ini akan terus diperluaskan lagi di masa yang akan datang," ujarnya.

Beliau juga turut menyembahkan sokongan dan menyambut baik usul Kebawah DYMM untuk melibatkan Ahli-ahli MMN dalam Jawatankuasa ataupun *taskforce* mengikut pengalaman dan pengetahuan di bidang masing-masing, yang mana menerusi penglibatan itu akan memberikan peluang untuk menyumbang pandangan dan buah fikiran dalam memberikan manfaat kepada perkembangan ugama dan kepentingan bangsa dan negara.

Juga turut disentuh ialah mengenai perkembangan sektor perekonomian negara dalam mempelbagaikan ekonomi terus dipertingkat dan diusahakan bagi memastikan negara tidak bergantung semata-mata kepada Sektor Minyak dan Gas, selain kepelbagaian ekonomi ini adalah aspirasi-aspirasi negara yang dihasratkan di dalam Brunei Darussalam Economic Blueprint.

Dalam hal itu, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah juga menjunjung titah baginda untuk mengenal pasti kekuatan dan potensi negara dalam suatu industri strategik tertentu untuk diberikan tumpuan dan diungkayahkan dengan jayanya.

Bagi Yang Berhormat, inilah juga antara peranan terpenting dan tanggungjawab semua Ahli Yang Berhormat untuk menilai dan memperbaiki strategi-strategi sedia ada dalam apa jua sektor perekonomian yang dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti dengan alternatif dan strategi baharu yang lebih baik.

>> Muka 14

PELITA BRUNEI

# Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara

## PERLUASKAN STRATEGI DALAM PELAKSANAAN DASAR KERAJAAN

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berperanan penting dalam memperluaskan dan memperbaiki strategi-strategi yang sedia ada serta mencadangkan alternatif yang lebih baik dalam pelaksanaan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin, ia bertujuan untuk mengukuhkan pendapatan dari sektor-sektor selain daripada minyak dan gas sambil memberikan keutamaan kepada pengeluaran tenaga dan bahan api seperti elektrik.

"InsyaAllah, kaola akan lebih bekerjasama dengan lebih erat bersama Jabatan Tenaga di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyusun rancangan serta menetapkan *indicate* prestasi, kunci bagi mendapatkan matlamat yang dihasratkan," ujar Yang Berhormat semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat mengutarakan demikian semasa menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari segi ekonomi yang menekankan bahawa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan namun harus dipertingkatkan termasuklah aspirasi yang dihasratkan dalam Economic Blueprint yang - diterbitkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat juga menyokong penuh titah baginda agar kita tidak terlalu bergantung semata-mata kepada pengeluaran minyak dan gas serta pada masa yang sama, baginda juga menekankan isu-isu seperti alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya untuk diberikan perhatian.

Menurut Yang Berhormat lagi, hasrat Kebawah DYMM itu adalah sesuai dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan ekonomi hijau.

Terdahulu, Yang Berhormat memberi sokongan terhadap usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN.

Yang Berhormat seterusnya menyokong penuh usul inti pati titah Kebawah DYMM yang begitu jelas agar Ahli-ahli Berhormat berbincang mengenai perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

"Kaola menjunjung titah baginda bahawa kepekaan untuk mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di dalam dan di luar negara adalah penting dalam usaha untuk menghasilkan pelbagai pandangan dan idea-idea inovatif yang dapat menyumbang kepada kemajuan dalam sektor-sektor yang relevan untuk mempertingkatkan perekonomian negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjunjung hasrat murni baginda yang menitahkan secara khusus bagi Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan.

Yang Berhormat percaya aktiviti turun padang dan lawatan dalam kumpulan kecil sebagaimana yang laksanakan bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Kumpulan Cemerlang bersama dengan beberapa agensi ternyata lebih berkesan untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci dan menjalankan kerjasama yang lebih produktif di samping memberikan peluang untuk perbincangan yang telus dan efektif bagi meningkatkan lagi keyakinan masyarakat awam terhadap pihak kerajaan serta membantu reka dasar-dasar kerajaan baginda.

"Kaola menyambut baik saranan baginda untuk melibatkan Ahli-ahli MMN dalam jawatankuasa atau *task force* mengikut pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Kerjasama seperti ini akan menjalin hubungan baik antara kedua-dua pihak dan memberikan impak positif pada agenda yang dibincangkan.

"InsyaAllah abis kaola bersedia menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat demi kemajuan dan kebaikan negara kita," ujar



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Berhormat lagi.

Mengenai penekanan baginda berhubung dengan perbelanjaan kerajaan, Yang Berhormat melahirkan rasa syukur kerana kerajaan Brunei masih dapat mengendalikan RKN-12 dari segi belanjawan bagi keperluan pembangunan negara walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat tidak terlibat secara langsung dalam perancangan awal projek-projek dalam RKN-12.

Namun Yang Berhormat berharap, dapat menyumbang dalam bantuan kemajuan dan perkembangan projek-projek berkenaan.

## Lipat gandakan usaha mempromosi industri pelancongan

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin melahirkan kesepakatan dalam menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan ekonomi negara lebih-lebih lagi dalam konteks pelancongan.

Menurutnya, pelancongan adalah merupakan eksport yang tidak ketara (*invisible export*), justeru untuk menarik lebih banyak pelancong ke negara ini adalah penting untuk melipatgandakan usaha untuk mempromosi kekuatan negara yang kita miliki seperti kestabilan kerajaan, suasana yang selamat dan aman.

"Kita juga boleh menampakkan kelebihan di kalangan penduduk yang dapat menguasai bahasa Inggeris, Mandarin dan Arab. Ini boleh membuka peluang besar untuk menarik pelancong-pelancong seperti dari Timur Tengah, China dan negara berpendapatan tinggi yang lain yang menggunakan bahasa tersebut," jelasnya.

Di samping itu tambahnya, negara juga mempunyai kekayaan dari segi kecantikan alam semula jadi, di mana bumi negara kita terkenal dengan flora dan fauna ini boleh dikomersialkan untuk meningkatkan jumlah pelancongan terutama sekali bagi pencinta alam.

Dengan menembusi pasaran-pasaran ini ujarnya lagi dan dengan menggunakan label Brunei Halal diharap akan dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada pendapatan negara.

Oleh itu, adalah penting untuk menguatkan lagi usaha dalam mengambil peluang-peluang ini, katanya.

Kejayaan dalam semua bidang ini terangnya lagi, akan membuka peluang pekerjaan yang luas bagi rakyat dan penduduk tempatan dengan memperkuat promosi melalui faktor-faktor ini dan kita juga dapat memperluaskan lagi tapak pelancongan negara dan menggalakkan pertumbuhan



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

ekonomi yang lebih kukuh.

Yang Berhormat menyambut baik usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

## Dukung perbincangan strategik ke arah pembangunan, kemajuan negara

>> Muka 13

InsyaAllah usaha ini tambahnya mampu meningkatkan ekonomi dan memperkukuh pendapatan negara dari sektor-sektor lain selain dari minyak dan gas, sesuai dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan ekonomi hijau, di samping turut menekankan supaya isu-isu semasa seperti alam sekitar dan perubahan iklim juga diberikan perhatian sambil memberikan keutamaan kepada perkembangan industri hiliran minyak dan gas serta pengeluaran tenaga bahan api dan elektrik.

Dalam aspek pembangunan pula, Yang Berhormat menggariskan mengenai penekanan Kebawah DYMM berhubung dengan perbelanjaan kerajaan termasuk mengendalikan RKN-12 bagi memenuhi keperluan Pembangunan negara dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap penduduk dan rakyat.

"Kaola menjunjung dan menyokong penuh nasihat dan usul baginda agar setiap kerajaan menggunakan peruntukan dengan lebih berhemat dan harapan baginda supaya projek-projek RKN dipercepatkan mengikut garis masa yang ditentukan," ujarnya.

Yang Berhormat percaya hasrat murni baginda itu termasuklah juga untuk memastikan projek-projek yang dirancang akan dinilai secara adil dan telus serta diserahkan kepada pihak yang benar-benar berkelayakan dan mahir dengan jaminan kualiti projek agar ia tidak merugikan kerajaan di masa akan datang.

Sebelum mengakhiri perbincangan, Yang Berhormat turut melahirkan harapan agar nasihat dan hasrat murni Kebawah DYMM supaya persidangan ini dapat dimanfaatkan sebagai platform perbincangan-perbincangan strategik secara terbuka, dapat dilaksanakan bersama demi untuk merealisasikan objektif pembangunan dan kemajuan negara dengan izin Allah.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :
***www.pelitabrunei.gov.bn***
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

# KEMENTERIAN PERTAHANAN ANJUR KEMPEN KEBERSIHAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menyertai Kempen Kebersihan anjuran Kementerian Pertahanan di Daerah Temburong.

**TEMBURONG**, Jumaat, 1 Mac. - Kempen Kebersihan anjuran Kementerian Pertahanan di Daerah Permata Hijau hari ini ke arah menyokong inisiatif Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) dalam memastikan Negara Brunei Darussalam bersih dan bebas daripada pencemaran.

Usaha pembersihan yang dijalankan tertumpu kepada 13 tempat ibadah, antaranya lapan buah masjid iaitu Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok, Masjid Kampung Selangan, Masjid Kampung Batu Apoi, Masjid Kampung Puni, Masjid Kampung Belais dan Masjid Kampung Labu Estate.

Selain itu, Kempen Kebersihan juga ditumpukan kepada dua buah surau iaitu Surau Kampung Piasau-Piasau dan Surau Al-Quwwah, Bangar Kem serta seterusnya, dua buah balai ibadat iaitu Balai Ibadat Kampung Semabat, Balai Ibadat Kampung Sibut ibadat dan juga termasuk Pos Da'wah Kampung Selapon. Kempen yang disertai lebih kurang 300 warga Kementerian Pertahanan itu telah mengumpulkan lebih daripada 2,751 kilogram sampah-sarap.

Menyertai kerja-kerja dalam Kempen Kebersihan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang telah bermula di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar sebelum melanjutkan ke lokasi-lokasi lain.

Turut serta dalam kempen itu juga, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin serta seluruh peringkat kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan.

Kempen ini bermula dengan Halaqah Jumaat yang diadakan serentak di semua masjid, surau, balai ibadat dan pos dakwah. Acara ini diisikan dengan tazkirah bertajuk 'Kebersihan Adalah Tuntutan'. Ini disusuli dengan taklimat keselamatan dan sesi pemanasan badan sebelum memulakan Kempen Kebersihan.

Juga turut serta dalam Kempen Kebersihan tersebut adalah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Yassin bin Haji Ahmed; Pegawai Masjid Daerah Temburong; wakil daripada Urus Setia JIIK, Kementerian Pembangunan serta penghulu dan ketua kampung; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Penduduk Kampung setempat.

Antara aktiviti kempen termasuk membersihkan longkang, membersihkan lumut, menyapu daun-daun kering, membuang semakan pada pagar dan pemotongan rumput. Kempen ini pada dasarnya bertujuan untuk menunjukkan pengaruh positif dan menanamkan rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk menjaga kebersihan di kampung-kampung dan kawasan sekitarnya.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mempromosikan perpaduan dalam kalangan ahli masyarakat dalam menangani isu-isu alam sekitar. Selain itu, inisiatif yang memberi tumpuan kepada tempat-tempat ibadah ini bertujuan sebagai amal kebajikan sepanjang bulan Syaaban dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi jemaah menyambut ketibaan bulan Ramadan yang bakal menjelang sedikit masa lagi.



ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan tersebut (atas dan bawah).



# Kebersihan pengukur keimanan insan



**TEMBURONG**, Jumaat, 1 Mac. - Islam melihat kebersihan adalah merupakan suatu keutamaan dan tidak boleh dianggap ringan. Pentingnya kebersihan sehingga kebersihan itu sendiri menjadi kayu ukur kepada keimanan seseorang insan itu.

Selayaknyalah kita melihat kebersihan itu merupakan satu tuntutan yang utama. Sebagai seorang hamba pengabdian kita di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala juga memerlukan kepada keadaan diri kita yang suci dan bersih.

Sebagai contoh semasa bersembahyang seseorang hamba bercakap dan bermunajat kepada Allah. Maka selayaknya dia berada dalam keadaan suci zahir dan batin, bersih hati dan badannya, kerana Allah Subhanahu Wata'ala kasih kepada orang yang suka membersihkan batinnya dengan bertaubat dan membersihkan zahirnya dengan bersuci.

Demikian antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Muhamad Nur Amin bin Haji Jali sebelum Kempen Kebersihan dijalankan bermula di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar hari ini yang dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Tazkirah bertajuk 'Kebersihan adalah Tuntutan' seterusnya menerangkan bahawa hati rohani yang suci dan bersih sudah pasti akan melahirkan peribadi insan yang baik dan sempurna yang membawa kepada akhlak yang terpuji.

"Bayangkan jika hati yang suci serta jauh daripada sifat yang tercela seperti dengki, suka mencemburui dan dendam seseorang itu pasti akan merasa kehidupannya berlapang dada dan bahagia," katanya.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Ahli MMN serta seluruh peringkat kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan semasa membaca Surah Yaa Siin (kiri dan bawah kanan).

Akhlak yang baik serta sempurna tambahnya, sudah pasti cenderung kepada mempunyai ukhuwah yang penuh kasih sayang sesama manusia serta sentiasa menjaga silaturahim kerana tidak ada dendam di dalam hati. Silaturahim dan ukhuwah yang rukun pula membawa kepada organisasi yang cemerlang. Asal perkaranya adalah kerana menjaga kebersihan itu sendiri awal lagi.

"Sehubungan dengan itu, perkumpulan yang dibuat ini bukan semata-semata kempen untuk membersihkan masjid, tetapi apa yang lebih utama adalah menanamkan sifat kebersihan ini daripada dalam diri kita sendiri agar kita lebih faham untuk sama-sama menjaga hati kita daripada sifat buruk sebaliknya perlu sentiasa memastikan hati ini bersih dan terpelihara agar kita benar-benar mengenali dan menjiwai sifat kita sebagai seorang hamba yang sentiasa merendah diri dan mengabdi diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya lagi.

Muhamad Nur Amin seterusnya menyatakan, dalam beberapa hari sahaja lagi kita akan memasuki bulan Ramadan, semoga usaha yang dilakukan itu juga mampu menjadi wadah untuk kita masuk Ramadan dengan hati yang murni jauh daripada sifat-sifat tercela dan ia menjadi sebab untuk setiap amal ibadah dan doa kita makbul dan diterima oleh Allah.

Fitrah seorang insan memang suka kepada kebersihan dan tidak suka kepada kekotoran. Dalam konteks ini kita melihat kebersihan bukanlah hanya sebagai kebersihan luaran / jasmani sahaja. Tetapi apa yang lebih penting, kebersihan jasmani itu akan lahir daripada kebersihan hati dan rohani yang sempurna.

Acara juga dimarahkan dengan Sembahyang Tahyatul Masjid, bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Yaa Siin, zikir dan selawat serta Sembahyang Sunat Duha dan seterusnya Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed serta seluruh peringkat kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan.



# PELANCARAN PERKHIDMATAN PENGHANTARAN GOMAMAM KE KAMPONG AYER

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 1 Mac. - Bagi membuka saluran kemudahan dan akses kepada pelanggan di Kampong Ayer, perkhidmatan penghantaran GoMamam ke Kampong Ayer dilancarkan petang tadi.

Penduduk di Kampong Ayer kini boleh menikmati pelbagai pilihan daripada vendor kegemaran yang dihantar terus ke rumah mereka melalui perkhidmatan penghantaran GoMamam bermula 1 Mac 2024.

Hadir semasa Majlis Pelancaran yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di sini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif GoMamam, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Wahab dalam ucapannya menjelaskan bahawa memperluaskan perkhidmatan penghantaran GoMamam ke Kampong Ayer, merupakan pertama kali direkodkan di rantau ini.

Menurutnya, dengan mengetengahkan kebangkitan 'Padian' iaitu identiti kebruneian melalui aplikasi, telah dimodenkan dengan GoMamam, di mana penduduk Kampong Ayer kini boleh menikmati kemudahan tempahan daripada lapan kategori di platform mereka dan akan dihantar menggunakan bot.

Dengan memperluaskan lagi perkhidmatan penghantaran itu, menjadi sebahagian daripada komitmen GoMamam untuk berkhidmat kepada seluruh negara. Penduduk Kampong Ayer kini boleh mengakses pelbagai vendor dengan mudah melalui Aplikasi GoMamam.

Proses pesanan adalah ringkas dan mudah, dengan perkhidmatan penghantaran bermula dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari. Manakala pada Jumaat, perkhidmatan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung semula pada jam 2.00 petang hingga 8.00 malam. Dengan lebih 700 vendor dalam aplikasinya, GoMamam merupakan platform e-Dagang terkemuka di Negara Brunei Darussalam. Sejak Februari 2020, GoMamam komited dalam memberikan kemudahan dan kualiti, yang menjadikannya salah satu pilihan yang lebih dipercayai untuk para pengguna.

Daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan kepada francais besar di seluruh negara, GoMamam kini telah berkembang menjadi kemudahan paling popular dan mudah untuk pengguna memesan makanan, barangan runcit, elektronik, produk farmaseutikal dan banyak lagi.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Penghantaran GoMamam ke Kampong Ayer yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (kiri dan bawah).**




HASRAT NEGARA

# MMN dihasrat kekal relevan bincang perkara strategik

**>> Muka 2**

Usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik, di mana negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk lebih berjaya. Pada masa yang sama, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya juga perlu diberikan perhatian.

Namun apapun berlaku, hala tuju pengeluaran minyak dan gas mesti diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

Dari segi perbelanjaan kerajaan pula, ianya dilihat semakin meningkat tahun demi tahun. Namun demikian, alhamdulillah, kerajaan beta masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

Apa yang penting di sini ialah, setiap agensi kerajaan beta hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.

Dari segi pembangunan negara pula, Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 akan bermula pada Tahun Kewangan 2024 / 2025 ini bagi tempoh lima tahun. Dalam masa yang sama, RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Maka apa yang beta harapkan adalah supaya projek-projek pembangunan RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan.

Adalah juga menjadi harapan kita supaya Blueprint-Blueprint yang berkaitan dengan perekonomian, akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan langsung asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu.

Untuk akhirnya, beta sekali lagi menyarankan agar persidangan ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# KHEU anjur Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir mengetuai rombongan pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari. - Lebih 200 pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir pada Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong hari ini.

Majlis Bertahlil dikhususkan bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Awang Faizal bin Janip / Rosli diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah. Majlis merupakan salah satu acara keagamaan KHEU pada setiap tahun.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.



# KELUARAN KHAS

قليتا بروني

PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA




**Keluaran Sabtu**

**2 Mac 2024 / 21 Syaaban 1445**

## *Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-* 40 *tahun*

Keluaran Khas
Pelita Brunei

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA



**Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

# Pemasyhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984

**BISMILLAHIR** Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasabihi Ajma'in.

BAHAWASA-NYA sekarang telah tiba masa-nya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil aleh semula tanggong-jawab antarabangsa dengan sa-chara penoh sebagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka di-kalangan masharakat negara antarabangsa.

DAN BAHAWASA-NYA Negara Brunei Darussalam ada-lah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubongan2 perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah di-persetujui bahawa perhubongan2 luar negeri menjadi tanggong-jawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland;

DAN BAHAWASA-NYA satu Perlembagaan yang di-gelar Perlembagaan Negara Brunei, 1959 telah di-mashhorkan oleh Sultan sa-belum Beta ia-itu Maulana Sultan Sir Muda 'Omar Ali Sai'fuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ka-dua puloh lapan dan menurut-nya-lah Kerajaan Negara ini di-susun dan ia ada-lah menjadi undang2 yang tertinggi bagi Kerajaan Negara ini,

DAN BAHAWASA-NYA dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah di-buat di-antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di-antara Beta dengan Kerajaan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maka telah di-persetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggong-jawab yang mungkin di-pegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di-bawah semua triti perjanjian dan susunan yang terdahulu di-antara Negara Brunei Darussalam dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggong-jawab antarabangsa yang sa-penoh-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka hendak-lah tamat pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa kedaulatan Beta termasok tanggong-jawab terhadap urusan2 luar negeri akan kembali kepada Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, Beta, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Pesisir-nya, DENGAN INI MEMASYHOR DAN MENGISHTIHARKAN dengan nama Beta dan bagi pehak diri Beta dan bagi pehak pengganti2 Beta dan bagi pehak ra'ayat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat Tahun Masehi, bersama'an dengan Dua Puloh Tujuh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallalahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun Yang ka-Tujoh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untok sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran2 Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjok serta keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi ra'ayat Beta dan demikian juga pemeliharaan perhubongan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutohan (kukoh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari champur tangan dari luar negeri.

Barang di-rahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan di-berkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Negara Brunei Darussalam kekal sa-lama2-nya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.






# Antara pencapaian negara dari tahun 1984-1987

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA



21 September 1984 : Negara Brunei Darussalam (NBD) secara rasminya menjadi Ahli Ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ketika Perhimpunan Agung PBB Ke-39. Bendera Kebangsaan NBD telah dinaikkan dan berkibar megah bersama bendera negara-negara ahli yang lain di pekarangan bangunan PBB.

1 Januari 1984 : Pembentukan Kabinet dan pengumuman nama-nama Menteri Kabinet. Beberapa nama kementerian dan menteri-menteri telah pun dinamakan dalam susunan baharu bagi kerajaan Negara Brunei Darussalam yang telah mencapai semula taraf kedaulatan dan kemerdekaannya.



BEBERAPA KEMENTERIAN DINAMAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa nama kementerian dan menteri-menteri telah pun dinamakan dalam susunan baru bagi Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang telah mencapai semula taraf kedaulatan dan kemerdekaannya pada 1 Januari lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah mengumumkan nama kementerian dan menteri-menteri di upacara perisytiharan kemerdekaan pada subuh 1 Januari itu dengan rasminya Baginda selaku Sultan dan Yang Dipertuan akan menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri bagi Negara Brunei Darussalam yang pertama.

Baginda juga dalam titah itu mengisytiharkan Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri akan berada dalam kuasa Baginda.

Titah Baginda dengan adanya bentuk susunan baru kerajaan Baginda itu jawatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dengan rasminya ditiadakan.

Menurut titah itu Jabatan Perdana Menteri akan mengendalikan tugas-tugas Polis, Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Audit, Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, Majlis Mesyuarat Negeri, Perjawatan, Pusat Tahanan, Biro Mencegah Rasuah dan Unit Petroleum.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam memegang jawatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri.



16 September 1985 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melawat bahan pameran sempena Majlis Perasmian Bangunan Pusat Da'wah Islamiah (PDI). Pusat ini berharga kira-kira BND11 juta yang didirikan di atas sebidang tanah seluas 10 ekar. Penubuhan PDI ini dijadikan sebagai Institusi Perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Pembinaan PDI diasaskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Kurun Hijrah Ke-15 iaitu 1400 Hijrah sebagai peringatan kekal memperingati kedatangan Tahun Hijrah 1400.

18 Ogos 1986 : Perasmian Lebuh Raya Sultan Hassanal Bolkiah telah disempurnakan pada Isnin, 18 Ogos 1986 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Projek besar itu menelan belanja lebih kurang BND40 juta dan pembinaannya dihasratkan pada mengurangkan kesesakan lalu lintas pada masa itu. Pembinaan lebuh raya ini bermula dari Seri Kompleks di Batu Satu, Jalan Tutong merentangi Kampung Kiulap dan Gadong dan seterusnya menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas sejauh kira-kira 7.7 kilometer.




40 tahun

# Antara pencapaian negara dari tahun 1988-1991

BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA





21 September 1989 : Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Brunei Darussalam (UBD) merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah pendidikan di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan menyempurnakan penganugerahan ijazah kepada para graduan pada majlis tersebut.

17 Julai 1990 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan membuka rasmi bangunan Ma'had Islam Brunei yang terletak di Kampung Tepangan, Daerah Tutong. Pembukaan rasmi pusat pengajian Arab itu adalah mengambil sempena dengan keberangkatan dan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-44 tahun bagi Daerah Tutong.





29 September 1991 : Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 1991. Pelancaran TAIB menandakan permulaan baharu bagi Negara Brunei Darussalam kerana TAIB merupakan institusi kewangan pertama yang menjalankan semua aktivitinya mengikut akidah Islam.

25 Februari 1988 : Bangunan baharu Pusat Sejarah Brunei yang terletak di Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan dirasmikan. Pusat Sejarah Brunei ditubuhkan pada 26 Januari 1982 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Memorandum Menteri Besar Brunei, Bilangan: SUK.06/84/92 bertarikh 26 Januari 1982.




40 tahun

14 Oktober 1991 : Pelancaran rasmi perkhidmatan talian telefon ke Kampung Tanah Jambu dan sekitarnya telah berlangsung di Ibusawat Telekom Salar, Muara, disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud. Dengan terlaksananya projek rangkaian kabel ini, maka perkhidmatan telefon telah dapat diberikan sepenuhnya kepada para penduduk di kawasan Kampung Tanah Jambu, Kampung Sungai Buloh dan Kampung Salambigar.

# Antara pencapaian negara dari tahun 1992-1995





1 hingga 6 September 1992 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Ke-10 di Balai Utama Sidang, Pusat Persidangan Jakarta.

30 September 1992 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan gambar-gambar sekitar pembangunan infrastruktur, kemajuan ekonomi, sosial dan sebagainya di Negara Brunei Darussalam di Pameran Kemajuan Negara 25 Tahun.

16 Julai 1993 : Pembinaan Masjid Kampung Bunut adalah atas kurnia perbelanjaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bermula pada bulan Disember, 1991 dan telah siap sepenuhnya pada bulan Oktober, 1992 dengan perbelanjaan kira-kira BND2.5 juta. Masjid baharu Kampung Bunut itu boleh menempatkan 1,000 orang jemaah.





1 November 1995 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan model Kilang Industri Pembuatan Simen yang diusahakan secara usaha sama dengan syarikat dari negara jiran sambil mendengar taklimat yang disembahkan oleh pegawai kanan syarikat berkenaan semasa baginda berkenan berangkat melawat pameran di Ekspo BIMP-EAGA Negara Brunei Darussalam 1995.

14 Julai 1994 : Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah mula digunakan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-48 Tahun.





15 September 1995 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan model kampus Universiti Brunei Darussalam (UBD) sempena Majlis Perasmian Kampus UBD dan Penggunaan Rasmi Masjid Universiti.



25 April 1994 : Perasmian Bangunan Pusat Serantau Bagi Pendidikan Teknikal dan Vokasional Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO-VOCTECH).

40 tahun

# Antara pencapaian negara dari tahun 1996 -1999

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA





19 Julai 1996 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

18 Ogos 1996 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menandatangani di batu tanda Perasmian Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



7 Ogos 1999 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melambai-lambaikan tangan dengan penuh kegembiraan sejurus merasmikan Sukan Negara-Negara Asia Tenggara Ke-20 (Sukan SEA Ke XX) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Pembukaan rasmi sukan yang berprestij itu telah disaksikan oleh jutaan orang sama ada dari dalam dan luar negeri.




15 Julai 1997 : Keratan akhbar mengenai Negara Brunei Darussalam sebagai negara pertama kawal makanan halal haram.

## WUJUDKAN BADAN KAWAL HALAL HARAM BAHAN MAKANAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa akhir-akhir ini timbul kekhuatiran terhadap makanan dan minuman serta barang-barang gunaan yang dikhuatiri bercampur dengan bahan-bahan yang haram.

"Sudah tiba masanya bagi pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu badan atau seumpamanya selaku pihak yang mengawal halal haram bahan-bahan makanan dan minuman termasuk segala jenis daging serta lain-lain barang gunaan di negara ini," titah baginda di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman hari ini sempena perayaan ulang tahun hari keputeraan baginda ke-51 tahun.

Fatwa-fatwa dan panduan-panduan sudah sekian lama dikeluarkan, titah baginda, maka sepatutnya sudah lama perkara ini dapat diselesaikan.

Selaku sebuah negara Islam adalah wajib memelihara agama dan ibadat rakyat serta penduduk yang berada di dalamnya.

Menurut baginda, bumi yang sebegini kecil dengan jumlah penduduknya yang sedikit adalah lebih mudah untuk mengurusnya serta lebih cepat untuk menyelesaikan masalah-masalahnya.

Baginda berharap agar semua yang berkenaan di dalam kerajaan tidaklah akan melupakan hakikat ini.

Baginda juga memberi penekanan kepada Program Promosi Kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai perimustahaknya mengamalkan cara hidup yang sihat sebagai usaha meningkatkan kualiti kehidupan di negara ini.

Menurut baginda, perlaksanaan dan perkembangan sistem penjagaan kesihatan asasi dengan menambah pusat-pusat kesihatan adalah bertujuan bagi mengurangkan kesesakan yang terdapat di hospital-hospital di samping dapat memberi tumpuan kepada perkhidmatan pakar dan kes-kes rujukan.




40 tahun

31 Ogos 1996 : Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Yaakub ketika berucap merasmikan Seminar Teknologi Maklumat Dalam Pembangunan Negara yang berlangsung di ASEAN-EC, Gadong.

# Antara pencapaian negara dari tahun 2000 – 2003

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA



9 November 2000 : Majlis perasmian Kampus Kekal Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.



14 September 2002 : Perasmian Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) dan Perasmian Bermulanya Projek Rasionalisasi Ampa Fairley (AFRP) telah diadakan di OGDC.




16 November 2000 : Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah dan mempengerusikan Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Di mesyuarat berkenaan para pemimpin bersetuju untuk menerapkan rancangan batas digital untuk tindakan yang juga dikenali sebagai 'Brunei Goal' yang menyeru kepada pengecilan jurang digital antara negara-negara anggota.



5 Mei 2003 : Perasmian Bangunan Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB2, telah diadakan di Bandar Seri Begawan.




1 hingga 3 September 2003 : Negara Brunei Darussalam menjadi Tuan Rumah Mesyuarat Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC).




10 November 2001 : Perkhidmatan Sistem Maklumat Elektronik TAP yang dinamakan E-Info TAP dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam telah dilancarkan. Pelancaran E-Info TAP ini merupakan satu peristiwa bersejarah kerana ia menandakan satu kemajuan yang begitu bermakna dalam peningkatan penggunaan teknologi oleh Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang pertama di negara ini dengan menggunakan Kad Pintar - Smart Card.

40 tahun

PELITA BRUNEI Keluaran Khas HARI SABTU 2 MAC 2024 IX



# Antara pencapaian negara dari tahun 2004 - 2007

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA





3 Julai 2005 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai sempena Pembukaan Rasmi Bangunan Baharu Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Kompleks Pengakap, Kampung Beribi, Gadong. Bangunan lima tingkat itu bernilai BND22 juta menempatkan Pusat Pentadbiran PPNBD.

25 September 2004 : Perasmian Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang semula setelah lebih kurang 20 tahun Majlis Mesyuarat Negeri (ketika itu) dibubarkan pada 13 Februari 1984 sebagaimana disiarkan dalam Surat Keliling Kementerian Undang-Undang Bil: 9/1984 bertarikh 8 Mac 1984. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-58 pada 15 Julai 2004 antara lain menitahkan bahawa baginda telah membuat keputusan untuk mengadakan semula Majlis Mesyuarat Negara, khususnya memberi keutamaan bagi meningkatkan peluang orang ramai melibatkan diri secara lebih formal dalam memberi sumbangan membina terhadap kemajuan negara.

27 Jun 2007 : Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura melancarkan pengeluaran wang kertas baharu BND20 sempena memperingati Ulang Tahun Ke-40 Perjanjian Kesalingboleh Tukaran Matawang Kedua-Dua Negara. Pelancaran wang kertas baharu bersama Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura menjadi simbol nyata terhadap hubungan baik kedua-dua buah negara.



PELITA BRUNEI, HARI RABU 4 JULAI 2007 MUKA 5

## Kebawah DYMM dan Perdana Menteri Singapura lancarkan wang kertas baru $20

Liputan : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Foto : Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin, Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Haji Sahrin Haji Asmat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, sama-sama melancarkan wang kertas polimer baru $20.00 yang dikeluarkan oleh kedua-dua buah negara, di Baitur-Rahmah, Istana Nurul Iman.



3 Januari 2006 : Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah mula digunakan. Bangunan mahkamah itu dibina pada 2001 menelan kos lebih BND14 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dan siap pembinaannya pada tahun 2005. Ia dibina di atas tanah seluas 10 ekar setinggi empat tingkat dengan menyediakan sembilan ruang mahkamah, enam antaranya bagi Mahkamah Rendah, dua Mahkamah Tinggi dan sebuah Mahkamah Rayuan.



## SISTEM PENDIDIKAN NEGARA ABAD KE-21 AKAN DIPERKENALKAN

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

JERUDONG, Selasa, 28 November. - Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 bagi memastikan bahawa Sistem Pendidikan Negara mempunyai kemampuan untuk memberikan yang terbaik bagi pembangunan bangsa dan negara dalam keadaan yang dibawa bersama oleh proses globalisasi.



40 tahun

28 November 2006 : Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 diperkenalkan. Sistem ini bagi memastikan Sistem Pendidikan Negara mempunyai kemampuan untuk memberikan yang terbaik bagi pembangunan bangsa dan negara dalam semua keadaan yang dibawa bersama oleh proses globalisasi.

1 Ogos 2007 : Keluasan kawasan Bandar Seri Begawan diperluaskan daripada 1,287 hektar (12.87 kilometer persegi) kepada 10,036.24 hektar (100.36 kilometer persegi).

# Antara pencapaian negara dari tahun 2008 - 2011



27 April 2009 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengisytiharkan nama baharu bagi salah satu varieti beras tempatan yang dihasilkan di negara ini iaitu, 'Beras Laila' yang dahulunya dikenali sebagai BDR1. Pengisytiharan nama baharu bagi beras tempatan itu berlangsung di Kawasan Ladang Penanaman Padi Wasan sempena dengan Majlis Pelancaran Penanaman Padi Ke Arah Mencapai Sara Diri Pengeluaran Beras di Negara Brunei Darussalam.



1 Januari 2011 : Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011 ini bertujuan bagi memastikan sektor monetari dan kewangan negara berfungsi dengan stabil dan teratur. Perkara ini dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan Sempena Awal Tahun Baru Masihi 2011 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara.





25 Mei 2010 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Loji Metanol Brunei Darussalam yang bertaraf dunia di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK), di Sungai Liang, Belait. Loji Metanol Brunei Darussalam yang bertaraf antarabangsa ini merupakan langkah pertama ke arah mencapai perkembangan industri-industri hiliran di negara ini. Loji berkenaan adalah pelaburan terbesar di negara ini selain daripada pelaburan bagi penerokaan dan penghasilan minyak dan gas serta Gas Cecair Asli (LNG).




2 Mac 2008 : Wawasan Brunei 2035 ialah aspirasi jangka masa panjang negara dan rakyat yang berhasratkan Negara Brunei Darussalam (NBD) berkembang maju dan memastikan masa depan negara terjamin. Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan NBD, menjelang tahun 2035, dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai : 1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; 2. Kualiti kehidupan rakyat yang tinggi dan 3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

# Antara pencapaian negara dari tahun 2012-2015

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA

8 Disember 2013 : Jambatan Persahabatan antara kedua-dua buah negara yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia yang dianggarkan menelan belanja sebanyak BND9 juta atau kira-kira RM21 juta yang dibiayai secara sama rata oleh kedua-dua buah negara, manakala kos jalan hala tuju ke Jambatan Persahabatan adalah di bawah tanggungan negara masing-masing.





9 hingga 10 Oktober 2013 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



20 Jun 2013 : Brunei dalam bidang pertahanan menjadi tuan rumah bagi 'Humanitarian Assistance and Disaster Relief and Military Medicine Exercise' yang disertai seramai 3,000 orang pasukan tentera dari 18 buah negara termasuk Amerika Syarikat dan China. Ini merupakan latihan terbesar yang pernah diadakan di rantau ini.



Bangunan Baru Ibu Pejabat Polis Gadong mula beroperasi

setiap hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Bermula 8:30 pagi – 11:30 pagi dan 2:00 petang – 4:00 petang.

Sementara itu, Bahagian Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan beroperasi pada waktu pejabat hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Bagi kemudahan orang ramai bolehlah menghubungi talian 2459500 / 2423901 ext 752/ 753/ 757.

Bagi perkhidmatan, Pendaftaran Pertubuhan (Register of Societies), orang ramai bolehlah menghubungi talian 2459500/ 2423901 ext 750/ 751.

BANGUNAN Baru Ibu Pejabat Polis Gadong.

Siaran Ak...

BANDAR SE... 31 Oktober... Brunei ... ramai ... Polis ...

dan Bahan Letupan dan Lesen.

Sebarang pertanyaan mengenai kutipan hasil bolehlah menghubungi 2459500/ 2423901 ext 742/ 745.

Bahagian Pembelian dan Perbekalan merupakan perkhidmatan/ Pengurusan termasuk Tawaran (Tender), Sebutharga, Jualan Lelong dan Pendaftaran Pembekal.

Sehubungan itu, orang ramai bolehlah menghubungi ...

40 tahun



31 Oktober 2015 : Pasukan Polis Diraja Brunei memaklumkan kepada orang ramai Bangunan Baharu Ibu Pejabat Polis Gadong telah mula beroperasi bermula 31 Oktober 2015.

# Antara pencapaian negara dari tahun 2016-2019

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA





29 Oktober 2018 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menanam padi hibrid berhasil tinggi di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) menggunakan mesin jentera penanaman padi (*paddy transplanter*) di perasmian penanaman varieti padi hibrid berhasil tinggi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan, Mukim Pengkalan Batu.

14 Oktober 2017 : Perasmian Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Sungai Kebun merupakan satu lagi sejarah pembangunan infrastruktur terlakar di negara ini iaitu jambatan yang menghubungkan antara Sungai Kebun dan Jalan Residency kini dikenali sebagai Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha setelah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

22 Oktober 2017 : Perasmian Eko Koridor menjadi Taman Mahkota Jubli Emas. Taman Mahkota Jubli Emas ini merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 yang diterajui oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al- Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN.






29 Disember 2018 : Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam pelbagaikan medium Dakwah. Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya ini adalah satu kemajuan dalam penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya bagi tiga juz pertama yang diterbitkan hampir 10 tahun yang lalu (2009) dan kemudian disempurnakan selengkapnya 30 juz pada lima tahun kemudian (2014).

14 September 2018 : Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut dirasmikan di mana bangunan masjid ini dibina atas sebidang tanah wakaf berkeluasan 1.48 ekar dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang berjumlah BND3,560,000.00. Ia juga merupakan masjid pertama yang dibina menggunakan peruntukan tersebut. Keseluruhan kapasiti Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut ini boleh menampung lebih kurang 1,260 jemaah.



# Antara pencapaian negara dari tahun 2020 – 2023

BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA




10 Februari 2020 : Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat bagi perasmian Shell V-Power.




26 Oktober 2021 : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-38 yang berlangsung secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.



4 Februari 2021 : Menteri Kesihatan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham Bin Haji Jaafar semasa meninjau Sistem Automasi Makmal Menyeluruh bagi Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.



6 April 2021 : Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi Seria Energy Lab.



20 Februari 2022 : Jejambat Lugu telah dirasmikan.

40 tahun




## IKRAR HARI KEBANGSAAN

DENGAN BERSYUKUR
ATAS LIMPAH DAN KURNIA
ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA
YANG MENTAKDIRKAN KAMI
BERNEGARA MERDEKA
PENUH BERDAULAT
IAITU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MAKA KAMI BERIKRAR
AKAN BERSATU PADU
DAN MENUMPUKAN
TAAT SETIA
DI BAWAH PIMPINAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MEMPERTAHANKAN DAN MENJUNJUNGNYA
DENGAN SETIA
SEBAGAI NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA
YANG MERDEKA,
BERDAULAT DAN DEMOKRATIK
BERSENDIKAN KEPADA
AJARAN-AJARAN AGAMA ISLAM
MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH
SEBAGAI CARA HIDUP YANG LENGKAP
BERBAKTI DAN RELA BERKORBAN
PADA MEMPERTAHANKAN MARUAH
DAN KEDAULATANNYA
SERTA MEMELIHARA KEAMANAN
DAN KESELAMATANNYA
MENDUKUNG NILAI-NILAI AKHLAK
YANG SEMPURNA
SERTA TAAT
DAN MENJUNJUNG
KELUHURAN UNDANG-UNDANGNYA
BEKERJA DENGAN GIGIH,
JUJUR LAGI AMANAH
PADA MENINGKATKAN KEMAJUAN
DAN KEMAKMURANNYA
YANG DIREDHAI OLEH ALLAH



SELAKU pembaca ikrar utama sememangnya menggalas tugasan ini begitu bererti terutama sekali pada sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam buat julung-julung kalinya pada tahun 1984.

Awang Hj. Abdul Rahim bin Hj. Matussin yang ketika itu berusia 19 Tahun dan sedang menuntut dalam Tingkatan Enam di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah terpilih menjadi Pembaca Ikrar utama. Ia merupakan satu penghargaan yang tinggi bagi dirinya dengan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam dirinya yang begitu berkobar-kobar. Beliau dengan inisiatifnya sendiri telah menghafal isi kandungan ikrar itu dan seterusnya menyampaikannya dengan jayanya setelah usaha latihan dijalankan dengan gigihnya. Pemilihannya itu juga merupakan hadiah yang amat berharga bagi dirinya dan setentunya menjadi ristaan terutama buat ahli keluarganya sampai bila-bila.

"Bagi saya rasa tanggungjawab untuk membuat yang terbaik setelah terpilih menjadi pembaca ikrar pertama dan penghayatan terhadap isi kandungan ikrar tersebut serta doa dari ibu bapa adalah kunci dan semangat yang membolehkan saya menghafal isi kandungan ikrar Hari Kebangsaan yang pertama.

Pertama, ketaatan kepada Raja yang amat kita kasihi. Raja yang Adil, Penyayang lagi Pemedulian. Kedua, mempertahankan kedaulatan negara sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) atas landasan Ahli Sunnah Waljamaah. Ketiga, rela berkorban bagi memelihara keamanan dan menjaga keluhuran undang-undang. Dan keempat, sentiasa bersedia untuk bekerja dengan gigih bagi meningkatkan kemajuan dan kemakmuran", katanya.


BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA
40
tahun

# PERUSAHAAN MSME PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**JERUDONG**, Khamis, 29 Februari. - Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memupuk daya tahan dalam ekonomi negara.

Seperti yang dilaporkan dalam Annual Census Enterprise (ACE) 2023, MSME membentuk 97.6 peratus daripada perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam (NBD); dengan jumlah pekerjaan MSME sebanyak 32.0 peratus daripada jumlah pekerja di Brunei.

Sumbangan mereka melangkaui perdagangan semata-mata, berfungsi sebagai enjin penciptaan pekerjaan dan inovasi. Pada tahun 2020, MSME juga telah memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dianggarkan sebanyak 31.2 peratus.

Berucap semasa perasmian Festival MSME Brunei 2024 di Dewan BRIDEX, Jerudong, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Timbalan Pengerusi Bersama BEDB dan DARe, mengakui peranan penting yang dipegang oleh MSME dalam landskap ekonomi negara di mana kebolehsuaian dan kepintaran mereka adalah komponen penting dalam struktur ekonomi negara kita.

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin seterusnya berkata, pada penghujung 2023, Bahagian Ekosistem Industri dan Perniagaan (IBE) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengumumkan definisi kebangsaan baharu bagi Kategori Perniagaan di NBD. Definisi baharu yang diseragamkan itu jelasnya merangkumi MSME, Sektor Tidak Formal, Start-Ups, Perusahaan milik Belia dan Perniagaan milik Wanita.

"Dengan definisi kebangsaan baharu ini, kita akan mencapai penyeragaman takrifan pada peringkat kebangsaan. Ini akan memastikan data yang tepat dan seragam digunakan untuk membuat keputusan dalam perancangan dan pelaksanaan dasar ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035," ujarnya.

Selaras dengan tema acara 'Berani untuk Bertransformasi : Membina MSME yang Berdaya Tahan', NBD komited untuk mencapai Agenda 2030 untuk Matlamat Pembangunan Lestari, selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Jelas Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin lagi, menurut Voluntary National Review 2023 (VNR 2023) untuk NBD, negara mencatatkan kemajuan yang baik dalam Matlamat 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik); Matlamat 4 (Pendidikan Berkualiti); Matlamat 6 (Air Bersih dan Sanitasi); Matlamat 7 (Tenaga Mampu Milik dan Bersih); Matlamat 8 (Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi); Matlamat 14 (Kehidupan Di Bawah Air); dan Matlamat 15 (Kehidupan di Darat).

"Walaupun kita telah mencapai kemajuan yang membanggakan, namun cabaran kekal, terutamanya dalam bidang seperti penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menangani cabaran ini secara sistematik, memanfaatkan inovasi dan kerjasama untuk memacu MSME ke arah pertumbuhan dan kemakmuran yang mampan," terang Yang Mulia Dato Seri Paduka lagi.

Oleh itu, katanya adalah tepat pada masanya untuk MSME kita, menerima kemampanan sebagai asas operasi mereka dan berinovasi dengan amalan mementingkan alam sekitar untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan meningkatkan produktiviti, pada masa yang sama menyumbang kepada kemakmuran ekonomi.

Ini antara lain termasuk melaksanakan teknologi dan amalan penjimatan tenaga dan penjimatan air untuk mengurangkan penggunaan, mengguna pakai strategi untuk meminimumkan penjanaan sisa, menerima pakai pembayaran tanpa tunai dan bekerjasama dengan pembekal yang mengikut amalan mampan dan beretika.

Yang Mulia Dato Seri Paduka



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) semasa berucap.**

seterusnya berkata, bukan sahaja strategi dan amalan ini mengurangkan jejak alam sekitar, tetapi ia juga boleh membawa kepada penjimatan kos yang besar, memupuk inovasi dan kecekapan sumber, serta membuka peluang pasaran baharu dan membina kepercayaan dengan pengguna dan pihak berkepentingan.

# Lebih 200 vendor sertai Festival MSME Brunei 2024




**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) semasa merasmikan Festival MSME Brunei 2024.**

**JERUDONG**, Khamis, 29 Februari. - Festival pameran produk dan perkhidmatan tempatan terbesar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang disertai oleh lebih 200 vendor dari pelbagai Sektor Perniagaan, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) serta agensi berkaitan, kembali buat edisinya yang ke-4 dan dilancarkan hari ini oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARe) bertempat di BRIDEX Hall 1 & 2, Jerudong, di sini.

Festival MSME Brunei 2024 (Brunei MSME Festival 2024) yang akan berlangsung selama empat hari hingga 3 Mac 2024 itu membawa tema 'Berani untuk Bertransformasi : Membina PMKS yang Berdaya Tahan' antara lain bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan daya tahan MSME di NBD.

Perasmiannya disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Timbalan Pengerusi Bersama BEDB dan DARe.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB dan DARe, Daniel Leong semasa berucap pada majlis tersebut menjelaskan, festival tersebut bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang MSME dengan memberi mereka peluang untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan pada skala besar tetapi ia juga berfungsi sebagai platform untuk kami mengenal pasti PMKS tempatan yang berpotensi untuk terus berkembang sama ada melalui eksport atau import penggantian.

Dalam masa yang sama tambahnya, Festival MSME Brunei juga meraikan budaya keusahawanan tempatan dan meningkatkan kesedaran tentang apa yang DARe dan agensi lain boleh tawarkan untuk menyokong pembangunan MSME di negara ini.

Beliau seterusnya mengongsikan, selaras dengan tema berkenaan dan dengan kerjasama Unit Matlamat Pembangunan yang Berdaya tahan di bawah Pejabat Wawasan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), acara itu akan mengetengahkan persidangan perniagaan dan siri sesi perkongsian perniagaan yang dibawakan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD).

Persidangan akan menampilkan pakar-pakar, usahawan-usahawan dan individu terkemuka yang akan membincangkan pelbagai topik yang disusun oleh Asia Inc. Forum dan Confer Sdn. Bhd., antaranya seperti amalan-amalan berdaya tahan dan inovasi, untuk memperkasakan MSME untuk menerima perubahan ke arah mencapai Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan.

Pelbagai aktiviti, termasuk sesi padanan perniagaan, peluang-peluang mewujudkan rangkaian, persidangan, forum, pembentangan dan sesi perkongsian perniagaan diadakan pada festival berkenaan yang dibukakan bermula pukul 10.00 pagi hingga 9.00 malam.

Selaras dengan matlamat acara, orang ramai adalah digalakkan untuk membawa beg kitar semula mereka dan menggunakan bas ulang alik yang ditempatkan di tempat letak kereta Amphitheatre Jerudong Park.

Orang ramai yang datang menggunakan bas ulang alik, juga berpeluang menyertai cabutan bertuah yang diadakan sepanjang acara. Bukan itu sahaja, pembayaran tanpa tunai melalui aplikasi Pocket juga dipromosikan, menawarkan peserta peluang tambahan untuk memenangi hadiah.

Sementara itu, orang ramai yang hadir bersama keluarga ke festival itu juga disediakan dengan pelbagai permainan dan aktiviti untuk orang dewasa dan kanak-kanak, termasuk stesen permainan PS5, permainan kad dagangan (*trading cards*), *bouncer* dan taman permainan.

Festival ini dijayakan dengan sokongan para penaja dan rakan kongsi, termasuk BIBD, Hengyi Industries Sdn. Bhd., ThreeG Media Sdn. Bhd., Unit Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan di bawah Pejabat Wawasan, JPM, Datastream Digital Technologies, Baiduri Bank Sdn. Bhd., MixMedia, Armada Properties Sdn. Bhd., Brunei Darussalam Red Crescent, Society, Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., The Bruneian, KRISTAL Media Sdn. Bhd., dan BizBrunei.

Untuk maklumat lanjut, layari *@bruneimsmefestival* di laman media sosial Instagram dan Facebook atau *dare.gov.bn/bmf.*






**ANTARA vendor yang menyertai Festival MSME Brunei 2024 (kiri dan kanan).**

# Majlis Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Datin serta Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam memotong kek bersempena dengan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand bagi Tahun 2024 (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Hubungan antara angkatan tentera Negara Brunei Darussalam dan Thailand akan terus dipertingkatkan pada tahun-tahun akan datang dan yang akan menyumbang kepada mengekalkan persekitaran aman kita di rantau ASEAN.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai menjelaskan perkara berkenaan semasa berucap pada Majlis Makan Malam Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand tahun ini yang diselenggarakan oleh Kedutaan Thailand di Bandar Seri Begawan, yang berlangsung di Dewan VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Terdahulu, Puan Yang Terutama menjelaskan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand yang diraikan pada 18 Januari setiap tahun adalah untuk memperingati keberanian dan kepimpinan Raja Naresuan (King Naresuan The Great) yang berjuang untuk kebebasan dan perpaduan Kerajaan Thailand.

"Di samping peranan tradisionalnya untuk menjaga kedaulatan, integriti wilayah dan raja berperlembagaan, angkatan tentera adalah juga ditugaskan untuk membantu kerajaan menangani keselamatan dalam negeri dan isu transnasional termasuk penyeludupan dadah dan pemerdagangan manusia,'' jelas PYT.

Tanggungjawab lain tambahnya, termasuk menawarkan khidmat sosial dan inisiatif pembangunan ekonomi serta bantuan kemanusiaan ketika kejadian bencana alam.

Menurut PYT, Thailand dan NBD telah lama menikmati hubungan dua hala termasuk dalam Sektor Pertahanan.

Tahun ini tambah PYT, kedua-dua buah negara akan menyambut Ulang Tahun Ke-40 penubuhan Hubungan Diplomatik.

"Pengukuhan hubungan pertahanan kita adalah dibina melalui pertukaran yang kerap antara angkatan tentera kita dalam berkhidmat untuk memupuk persefahaman serta membina kapasiti dengan berkongsi pengalaman dan amalan terbaik," ujar PYT.

Di samping itu kata PYT, banyak kerjasama ketenteraan lain termasuk pertukaran perisikan, pendidikan ketenteraan dan mesyuarat di bawah pelbagai mekanisme dalam dua hala dan juga serantau.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan serta Datin.

Majlis resepsi dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara, dan diikuti dengan Upacara Memotong Kek bersempena dengan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand bagi Tahun 2024.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin serta Datin dan para diplomatik kor di negara ini, para pegawai kanan kerajaan dan swasta.

# MEMASTIKAN KEMAKMURAN, MASA DEPAN YANG BERDAYA TAHAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**JERUDONG**, Khamis, 29 Februari. - Pelbagai pandangan bernilai terhadap usaha dan amalan-amalan ke arah kedayatahanan yang praktikal bagi para Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dikongsikan oleh barisan penyampai dan pakar jemputan daripada agensi-agensi kerajaan serta pengusaha tempatan semasa berlangsungnya Persidangan sempena Festival MSME Brunei 2024.

Dianjurkan oleh Darussalam Enterprise (DARe) bersama Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan di bawah Pejabat Wawasan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), persidangan ini merupakan peluang bagi memahami lebih mendalam terhadap kelestarian dan amalan-amalan perniagaan yang berdaya tahan bagi MSME di negara ini.

Dalam ucapan pada pembukaan persidangan yang diadakan di Dewan BRIDEX 1, Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad yang juga selaku Pengerusi Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan menekankan bahawa langkah ke arah kedayatahanan bukan hanya dilakukan secara bersendirian, malah ia merupakan satu usaha kolektif bersama.



Beliau menyatakan, tindakan yang kita lakukan hari ini akan membentuk dunia bagi kehidupan generasi masa akan datang di mana dengan menghayati prinsip kemampanan, kita boleh memastikan kemakmuran, masa depan yang berdaya tahan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Terdahulu, Pengiran Hajah Siti Nirmala mengambil maklum bagaimana sesetengah MSME tempatan telah mengambil langkah proaktif untuk mencipta semula aktiviti mereka, menggalakkan kemampanan, memupuk pertumbuhan, dan mencipta kelebihan daya saing.

Daripada reka bentuk produk yang mampan kepada penggunaan amalan ekonomi pekeliling (*circular economy practices*) tambahnya, mereka memacu impak alam sekitar dan sosial yang positif dan pada masa yang sama membuka peluang perniagaan baharu.

"Oleh kerana itu kami percaya bahawa MSME boleh menerajui dalam mengubah ekonomi kita menjadi ekonomi yang bukan sahaja makmur tetapi juga dinamik dan mampan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Melalui perusahaan inilah amalan lestari dapat disepadukan ke dalam ekonomi kita dan masyarakat, mempengaruhi rantaian bekalan, dan memupuk budaya dan tabiat kemampanan dalam kalangan pengguna," ujarnya.

Pengiran Hajah Siti Nirmala juga mengongsikan pandangannya mengenai pendekatan transformatif untuk perniagaan yang berdaya tahan di mana menurutnya, kita perlu mempertimbangkan bagaimana kaedah kita boleh berubah untuk melengkapkan MSME tempatan dengan lebih baik dalam mengemudi landskap perniagaan yang sentiasa berkembang.

Beliau turut menyentuh mengenai perkongsian, yang mana kedayatahanan tidak berfungsi secara berasingan. Semua orang perlu bekerja secara harmoni untuk memangkin ekosistem yang sesuai agar MSME tempatan akan makmur dan berkembang.



**SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan semasa berucap (atas). Sementara gambar kiri, antara yang ikut serta Festival MSME Brunei 2024.**



JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# MALU: PERHIASAN MUKMIN SEJATI

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 20 Sya'ban 1445H bersamaan 1 Mac 2024M

## DUA JENIS MALU:

1 Malu yang tercela

Iaitu malu untuk bertanya mengenai sesuatu ilmu yang tidak diketahui

2 Malu yang terpuji

Iaitu meletakkan malu pada tempatnya

- ✓ Seperti malu kepada Allah SWT
- ✓ Malu melakukan dosa



## MALU YANG TERPUJI DIBAHAGIKAN KEPADA 3:

1. Malu kepada Allah SWT
2. Malu kepada manusia
3. Malu kepada diri sendiri

### Malu kepada Allah SWT

- Dengan **menjauhkan** diri daripada perkara-perkara yang **ditegah** dan dilarang oleh Allah SWT.
- **Menjaga** anggota badan dan panca indera kita daripada melakukan **maksiat**.

### Malu kepada manusia

- Tidak mengganggu dan menyakiti orang lain.
- Tidak menyebar fitnah, mengadu domba, menjadi batu api dan seumpamanya.



### Malu kepada diri sendiri

- **Mengawal** diri ketika **bersendirian** dan menjaga diri daripada sifat-sifat tercela.
- Berasa malu untuk menilai aib dan keburukan orang lain.

## Hiasilah diri kita dengan sifat malu

- ✓ Kerana ia adalah perhiasan mukmin sejati
- ✓ Sebagai benteng yang boleh mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan mungkar dan maksiat



Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam




| | Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan | Jabatan dan Kementerian | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PENOLONG PENGGERAK JENTERA TURBINE** D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2024/FEB/14 | JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI | 04 | 7(A) | 11 MAC 2024 |
| 2. | **JURURAWAT** M.7-8 EB.9 (BAHAGIAN III) 2024/FEB/12 | KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN | 02 | 7(A) | 11 MAC 2024 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / POC / TA / 01
Pembelian Kelengkapan Dewan Gerak Badan (Fasa 2)

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah 1 minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 19 Mac 2024.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
26 Mac 2024
2.00 Petang.

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Makluman**

**Jabatan Kemajuan Pelancongan Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2023-2024 / 48

**Tajuk Tawaran:**
Designing, Construction, Furnishing And Dismantling Of Brunei Darussalam Pavilion And Other Logistics For The 39th Seoul International Travel Fair, 9-12 May 2024, Seoul, Korea

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
21 Mac 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada "Architect Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 01 / 2024

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) Architect Consultancy Services for Pembinaan Masjid Baharu di STKRJ Kampung Mata-Mata (Katok B)

**Dibukakan Kepada "Quantity Surveying Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 02 / 2024

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) Quantity Surveying Consultancy Services for Pembinaan Masjid Baharu di STKRJ Kampung Mata-Mata (Katok B)

**Dibukakan Kepada "Civil And Structural Engineering Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 03 / 2024

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) Civil And Structural Engineering Consultancy Services for Pembinaan Masjid Baharu di STKRJ Kampung Mata-Mata (Katok B)

**Dibukakan Kepada "Mechanical and Electrical" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 04 / 2024

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services for Pembinaan Masjid Baharu di STKRJ Kampung Mata-Mata (Katok B)

**Yuran Tawaran :**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
5 Mac 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
19 Mac 2024

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran dan Bilangan Sebut Harga :**
To Supply And Install New Tires For BG 9071 (F.6)
AME / 2024-2025 / SH-08
(Kelas I & II)

**Tawaran dan Bilangan Sebut Harga :**
To Repair And Replacement Turret Components For Fire Truck at BG 7887 (F.4)
AME / 2024-2025 / SH-09
(Kelas I & II)

**Tawaran dan Bilangan Sebut Harga :**
Kontrak Pemeliharaan Sistem-Sistem Penghawa Dingin Di Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Selama Enam (6) Bulan
AME / 2024-2025 / SH-10
(Kelas I, II dan ke atas)

**Tawaran dan Bilangan Sebut Harga :**
Term Contract For Air Conditioning Maintenance To DCA Buildings For A Period Of Six (6) Months
AME / 2024-2025 / SH-11
(Kelas I, II dan ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :**
28 Februari 2024 (Rabu)

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :**
12 Mac 2024 (Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
13 Mac 2024
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Tawaran:**
DCA / CCS / 2024 / T2

**Nama Tawaran:**
To Develop And Operate Restaurant For Local And International Cuisines At Transit Hall, Brunei International Airport

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
9 April 2024, (Selasa)
Jam 12.00 Tengah Hari

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun**

**Daerah Brunei Dan Muara**

**No Tawaran :**
KHEU / JPI / KANTIN / 23 / 06

**Nama Sekolah Ugama :**
Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Bengkurong, Kawasan IV

**Bayaran :**
BND10.00
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu,
9 Ramadan 1445H /
20 Mac 2024M
Sebelum jam
12.00 Tengah Hari

# MEMPERKASA, MEMPERKUKUH SYIAR ISLAM MELALUI PENGAJIAN ILMU TURATS



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menyampaikan pembentangan pada persidangan tersebut.**



**REKTOR UNISSA semasa menghadiri Persidangan Antarabangsa Kitab Turats dan Cabarannya di Alam Melayu : Al-Azhar Sebagai Manhaj dan Rujukan bertempat di Markaz Sheikh Zayyed, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**KAHERAH**, Khamis, 29 Februari. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal menghadiri Persidangan Antarabangsa Kitab Turats dan Cabarannya di Alam Melayu : Al-Azhar Sebagai Manhaj dan Rujukan bertempat di Markaz Sheikh Zayyed, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Republik Arab Mesir sebagai salah seorang pembentang utama yang berlangsung pada 27 hingga 29 Februari 2024.

Persidangan berkenaan dianjurkan bersama Pertubuhan Antarabangsa Alumni Al-Azhar Cawangan Malaysia, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Malaysia; UNISSA; dan Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Cawangan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Persidangan berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Sheikh Al-Azhar, Profesor Dr. Mohamed Abdel Rahman Mohamed El-Doweiny, selaku wakil peribadi Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Sheikh Al-Azhar Al-Syarif yang juga merupakan Penaung Persidangan.

Turut hadir selaku pembentang utama ialah Presiden Universiti Al-Azhar, Profesor Dr. Salamah Daud; Naib Presiden Pertubuhan Antarabangsa Alumni Al-Azhar Pusat, Profesor Mohamed Al-Mahrasawy; dan Penasihat Sheikh Al-Azhar bagi Urusan Pelajar Antarabangsa, Profesor Dr. Nehla El-Saiedy.

Dalam ucapan perasmian dan ucaptama perdana, Profesor Dr. Mohamed Abdel Rahman Mohamed El-Doweiny, telah menyentuh tentang sumbangan dan kerjasama Institusi Al-Azhar Al-Sharif dalam memperkukuh dan memelihara pengajian Turats Islam di alam Melayu khususnya dalam melahirkan para cendekiawan dan ulama-ulama Islam muktabar sejak abad ke-17 hingga sekarang.

Manakala, Rektor UNISSA menyampaikan kertas kerja utama bertajuk 'Kedudukan Kitab Turats Dalam Pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam' yang antaranya mengongsikan peranan institusi ugama melalui kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa dan memperkukuh syiar Islam melalui pengajian ilmu Turats yang terus berkembang dan dipelihara di negara ini.

Persidangan turut disertai lebih daripada 170 pembentang daripada pelbagai negara termasuk 10 wakil pembentang dari UNISSA.

Turut hadir dalam persidangan berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Salimin bin Pengiran Mohd. Daud.

# 2 jet pejuang F-35 mendarat di Pangkalan Tentera Udara Rimba

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**RIMBA**, Jumaat, 1 Mac. - Dua buah pesawat jet pejuang F-35 daripada Skuadron Pejuang Ekspedisi Ke-356, Pangkalan Tentera Udara Eielson, Alaska telah mendarat di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), petang tadi.

Unit Tentera Udara Pasifik berada di negara ini untuk membiasakan diri dengan pesawat dan membina hubungan kerjasama bersama TUDB.

Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim hadir bagi mengalu-alukan ketibaan pasukan kru dan penyelenggaraan F-35 selain berpeluang membuat lawatan ke pesawat dan pengenalan kepada keupayaan pesawat.

Pendaratan pesawat itu bertepatan dengan lawatan rasmi Timbalan Ketua Penolong Setiausaha Pertahanan, Jedidiah P. Royal dan Air National Guard Assistant to Commander, Pacific Air Forces, Mejar Jeneral Mark Weber.

Keberadaan mereka di negara ini juga adalah untuk bersua muka bersama pegawai-pegawai kanan sebagai inisiatif keselamatan bagi Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik Amerika Syarikat (AS) - Brunei.

Brunei dan AS mempunyai hubungan yang sudah sekian lama dan berkongsi matlamat dalam memastikan kawasan Pasifik yang bebas dan terbuka.

Pelita Brunei juga berpeluang menemu bual juruterbang jet pejuang F-35 iaitu Leftenan Kolonel Erik Gonsalves dan Kapten Max Childs.

Menurut Leftenan Kolonel Erik Gonsalves, ini adalah kali pertama mereka ke Negara Brunei Darussalam yang mana penerbangan mengambil masa kira-kira empat jam dari Okinawa, Jepun.

Sebelum mendarat di Jepun katanya, penerbangan dari Pangkalan Tentera Udara Eielson, Alaska menuju ke Okinawa mengambil masa lebih kurang 10 jam.

"Keadaan cuaca sangat baik semasa kami memasuki Brunei dan kami disambut dengan mesra oleh pengawal trafik juga semua yang hadir pada hari ini," tambahnya.

Sementara itu, Kapten Max Childs menjelaskan tujuan mereka ke Brunei antara lain adalah sebahagian daripada untuk mempromosi latihan *free and open* Indo-Pacific yang telah dijalankan bersama beberapa buah negara sejak empat tahun lalu.



**PEMERINTAH TUDB hadir bagi mengalu-alukan ketibaan pasukan kru dan penyelenggaraan F-35 (atas, bawah kiri dan bawah kanan).**





# TINGKAT KEFAHAMAN MENGENAI HAL EHWAL PERKAHWINAN

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**TUTONG,** Rabu, 28 Februari. - Taklimat Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang-Orang Islam yang diadakan buat julung kalinya bagi tujuan memberi kefahaman para peserta dalam soal-soal perkahwinan, perceraian, pembatalan dan rujuk di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, taklimat juga memberikan penjelasan kepada peserta akan tindakan yang perlu diambil jika terdapat persoalan-persoalan mengenai perkahwinan, perceraian, pembatalan dan rujuk.

Perkara tersebut antara dinyatakan oleh Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam ucapan alu-aluannya semasa Taklimat Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang-Orang Islam bertempat di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Menurutnya, taklimat berkenaan adalah sebagai langkah untuk memberi peluang kepada para peserta untuk bertanya kepada pihak berkenaan tentang beberapa permasalahan perkahwinan, perceraian, pembatalan dan rujuk dan membentuk akhlak yang sihat dan bersih dalam kalangan peserta sebagai penambahan ilmu yang berguna kepada peserta dan masyarakat.

Tambahnya lagi, tajuk taklimat adalah difikirkan sangat relevan dengan salah satu bidang tugas dan tanggungjawab para peserta yang hadir, sebagai contoh tugas seorang penghulu atau ketua kampung ialah mesti bersedia berkhidmat kepada masyarakat dengan mendengar dan menyelesaikan masalah penduduk.

Hadir ke taklimat berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Menengah Lamunin, Tutong, Abdul Azim bin Haji Abdul Rahman.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Bandar Seri Begawan, Awang Azmil bin Haji Haris; dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong, Awang Mohammad Arif bin Haji Sabtu.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada taklimat berkenaan.**

Taklimat yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, antara lain menyentuh mengenai dengan perkahwinan dalam undang-undang keluarga Islam penggal 217, pendaftaran perkahwinan, jenis-jenis perceraian atau perbubaran perkahwinan dan rujuk dalam Undang-undang Keluarga Islam 217 yang memberikan pendedahan dan maklumat kepada peserta.

Antara yang hadir ialah Pegawai - pegawai Masjid, Jurunikah - jurunikah Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong dan orang awam.





**SEKITAR Taklimat Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang-Orang Islam bertempat di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong (kiri dan kanan).**

# Penguatkuasaan denda kompaun di bawah bidang kuasa SHENA

**Siaran Akhbar : Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Pihak Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), sebuah badan berkanun yang mengawal selia dan bertanggungjawab penguatkuasaan di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, (Workplace, Safety and Health Order) 2009, mengumumkan tarikh pelaksanaan denda kompaun bagi beberapa kesalahan yang telah ditetapkan.

Kesalahan-kesalahan tersebut ialah kegagalan dalam melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja atau Pegawai Workplace Safety and Health (WSH) yang mana menurut Peraturan-Peraturan Workplace Safety and Health (Workplace Safety and Health Officers), 2014, Pegawai WSH mesti dilantik di tempat kerja seperti di limbungan-limbungan kapal yang mana-mana kapal, kapal tangki dan kapal-kapal lain adalah sedang dibina, dibina semula, dibaiki, dipasang semula, telah siap ataupun telah pecah; Kilang-kilang yang digunakan untuk memproses petroleum atau produk-produk petroleum; Kilang-kilang di mana operasi-operasi bangunan atau kerja pembinaan kejuruteraan yang mempunyai nilai kontrak berjumlah BND10 juta atau lebih sedang dijalankan; dan mana-mana kilang lain yang mempunyai 100 orang pekerja atau lebih kecuali bagi yang berkaitan dengan pembuatan pakaian.

Tarikh penguatkuasaan denda kompaun bagi kegagalan melantik Pegawai WSH di tempat kerja tersebut adalah pada 1 April 2024.

Sementara itu, kesalahan bagi kegagalan dalam melantik Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja atau Penyelaras WSH yang mana menurut Peraturan-peraturan Workplace Safety and Health (Construction), 2014, Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan mesti dilantik di setiap tempat kerja yang mempunyai nilai kontrak bagi Operasi Bangunan atau Kerja-kerja Pembinaan Kejuruteraan (BOWEC) tidak melebihi daripada BND10 juta.

Tarikh penguatkuasaan denda kompaun bagi yang melanggar peraturan ini bagi Kelas Kontraktor 4, 5, dan 6, tarikh bermula denda kompaun adalah pada 1 April 2024, manakala bagi Kelas Kontraktor 1, 2 dan 3 , tarikh bermula denda kompaun adalah pada 1 Oktober 2025.

Bagi kesalahan pelanggaran terhadap keperluan Pertolongan Cemas di Tempat Kerja, setiap penghuni di tempat kerja, kecuali di rumah sakit, klinik perubatan, dan ambulan, yang gagal mematuhi Peraturan 4, 5, 6 dan 7 di bawah Workplace Safety and Health (First-Aid Regulations), 2021 merupakan kesalahan kompaun.

Tarikh penguatkuasaan denda kompaun bagi pelanggaran keperluan Pertolongan Cemas adalah pada 1 April 2024.

Sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan ini boleh dikenakan denda sebanyak jumlah wang tidak melebihi separuh dari jumlah denda maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan tersebut atau sebanyak BND5,000, mengikut mana yang lebih rendah : Bab 55 Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009.

Maklumat lebih lanjut serta panduan bagi Prinsipal, Penghuni, Majikan, dan Orang yang bekerja sendiri seperti Industry Guidance Note (IGN) on Requirements of Workplace Safety and Health Officer & Workplace Safety and Health Co-ordinator dan IGN on First Aid Requirements termasuk Self-Assesment Checklists boleh didapati di laman sesawang SHENA *www.shena.gov.bn.*

Bagi sebarang pertanyaan mengenai peraturan yang berkaitan di bawah SHENA dan pelaksanaannya, sila e-mel soalan anda melalui 'General Enquiries' di laman sesawang SHENA *www.shena.gov.bn* atau hubungi +673 2382000 semasa waktu pejabat.

SHENA ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan atas sokongan dan kerjasama mereka dalam memastikan Brunei Darussalam adalah tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami.

# PKWE DBM ANJUR MAJLIS TAHLIL, DOA ARWAH

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas







**PUSAT Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara semasa mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah untuk insan-insan yang telah kembali ke rahmatullah (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari. - Menjelang kedatangan bulan Ramadan tidak lama lagi, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) mengambil kesempatan berkumpul dengan mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah untuk insan-insan yang telah kembali ke rahmatullah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Abu Bakar bin Burut, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi PKWE DBM, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan tahlil dan Doa Arwah serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh mantan imam, Haji Ghafar bin Haji Minuddin.

Majlis Bertahlil merupakan aktiviti tahunan yang dilakukan untuk disedekahkan pahalanya kepada ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah di samping mengukuhkan hubungan silaturahim antara ahli-ahli pusat berkenaan.

# Bicara Sejarah semarakkan Hari Kebangsaan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama





**PENGARAH Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan (kanan), manakala gambar kiri, Bicara Sejarah : Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 disampaikan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari. - Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menganjurkan Majlis Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 1445H bersamaan 2024M.

Majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan disertai oleh warga JPI, Pengetua-pengetua Sekolah Arab dan Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Ugama Senegara.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Doa Selamat oleh Awang Haji Abdul Razak bin Haji Md. Daud.

Majlis diisikan dengan Bicara Sejarah : Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang disampaikan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong bagi memperingati tarikh Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 1959.

Selain itu, Bicara Sejarah : Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 turut diisikan dengan mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar rakyat dan penduduk negara ini mengenali sejarah negaranya sendiri termasuk Sejarah Islam. Acara turut disemarakkan dengan nyanyian Lagu Patriotik 'Berkibarlah Bendera'.



# 16 pelajar, 13 guru diraikan pada Majlis Penganugerahan PSR

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

**BANGAR,** Rabu, 28 Februari. - Seramai 16 pelajar dan 13 guru dari Sekolah Arab Temburong menerima sijil dan cenderamata pada Majlis Penganugerahan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Sanah 6 dalam Peperiksaan PSR bagi Tahun 2023 yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan juga turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pelajar dan guru yang diraikan, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Turut hadir ialah rombongan pegawai dari JPI, para ibu bapa serta pelajar.

Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Awang Tuah, dalam ucapan alu-aluannya menghargai usaha para ibu bapa dalam misi pendidikan duniawi dan ukhrawi serta sokongan berterusan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program tahunan sekolah.

Majlis berkenaan bertujuan antara lain untuk menghargai usaha dan kejayaan para pelajar serta guru di samping menyuntik semangat para pelajar Sanah 6 yang akan menduduki PSR pada tahun ini.

Majlis juga diserikan dengan persembahan patriotik dan lakonan oleh para pelajar bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 2024.



PENGARAH Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar menyempurnakan penyampaian hadiah kepada salah seorang pelajar.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Penganugerahan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Sanah 6 dalam Peperiksaan PSR bagi Tahun 2023.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. **'Persediaan Di Ambang Ramadan'.** Tarikh Tutup **: 6 Mac 2024**
2. **'Majukan Pengusaha Tempatan'.** Tarikh Tutup **: 13 Mac 2024**
3. **'Waspada Dosa, Pahala Di Hujung Jari'.** Tarikh Tutup **: 20 Mac 2024**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

*E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# MEMAHAMI TANGGUNGJAWAB RAKYAT KEPADA NEGARA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Matlamat tanggungjawab negara kepada rakyat antaranya memberi perlindungan dan jaminan kesejahteraan, menyediakan kemakmuran dan kebajikan serta menjaga keselamatan dan ketenteraman.

Beberapa aspek diketengahkan dalam mewujudkan pembangunan sosioekonomi yang stabil dan berterusan seperti pendidikan, keselamatan, perkhidmatan kemasyarakatan, perumahan kesihatan, hal ehwal ugama, perkhidmatan elektrik, bekalan air, wanita dan belia, pengangkutan darat, penerbangan awam, telekomunikasi, perkhidmatan pos, pembangunan bandar, jalan raya, pelabuhan dan pengangkutan dan juga sukan.

Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' seterusnya menerangkan mengenai Wawasan Brunei 2035 yang meliputi rakyat yang berpendidikan tinggi, kemahiran dan berjaya; rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; serta ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.



Pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi di sini, Dayang Hajah Noorhijrah juga menjelaskan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah antaranya taat setia kepada raja dan sultan; menghormati dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara; mendaulatkan sistem pemerintahan beraja mengiktiraf dan menghormati bangsa Melayu dan agama Islam; mendukung Wawasan Brunei 2035; dan mewujudkan perasaan setia dan cinta kepada negara

Sementara tanggungjawab kepada masyarakat pula tambahnya, ialah mengiktiraf, menghormati dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada para pemimpin masyarakat setempat seperti Penghulu dan Ketua Kampung; melibatkan diri kepada kegiatan badan kebajikan dan persekutuan setempat seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, kejiranan kampung, badan koperasi, pertubuhan dan persatuan, kegiatan kebajikan dan ugama serta penyertaan diri bersama masyarakat setempat dalam acara-acara keagamaan dan sosial peringkat kampung, mukim, daerah dan negara.

Pada sesi Taklimat Kenegaraan berkenaan juga menerangkan mengenai sejarah bendera dan Negara Brunei Darussalam selain daripada peraturan dan cara mengibarkan bendera negara serta kesalahan pengibaran bendera.



KETUA Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan (bawah kiri), manakala gambar atas, penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pengurus Kampus berkenaan.

Taklimat yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik dihadiri seramai 254 pelajar IBTE termasuk dari Pusat Tingkatan Enam (PTE).

Juga hadir ialah Pengurus Kampus, Dayang Mardiana binti Haji Tahir serta para tenaga pengajar.

Program Taklimat Kenegaraan antaranya bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para pelajar melalui taklimat yang disampaikan.

Selain itu, ia juga dihasratkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Kuiz Kenegaraan turut diadakan bagi menguji kefahaman pelajar tentang taklimat yang disampaikan.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pengurus Kampus berkenaan.

# SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN MIB SEMARAK HARI KEBANGSAAN, 2 MAC

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari. - Seminar Kebangsaan Pendidikan Melayu Islam Beraja Semarak Hari Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 akan diadakan pada Sabtu, 2 Mac 2024 bertempat di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sehubungan dengan itu, satu Sidang Media mengenainya diadakan pagi tadi di Galeri Tiga Dekad, Tingkat Bawah, Pusat Sejarah Brunei (PSB), yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku Pengerusi Bersama Seminar; dan Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah.

Menurutnya, seminar berkenaan merupakan anjuran KUPU SB melalui Pusat Ilmu Teras dengan kerjasama PSB dan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB).

Dr. Haji Noralizam seterusnya menjelaskan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan seminar berkenaan nanti, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

"Dengan tema 'Memperkasa Penghayatan Amalan dan Nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035', seminar berkenaan dianjurkan adalah bagi menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Israk dan Mikraj pada 2019 dan baginda menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah sebuah negara yang akan sentiasa mementingkan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya dipandu oleh sistem MIB yang telah berjalan sejak ratusan tahun.

"MIB berfungsi memelihara dan menjamin semua hak rakyat dan penduduk di negara ini serta telah terbukti berjaya menjelmakan sebuah negara yang adil, bahagia dan bersatu padu, iaitu NBD.

"Oleh yang demikian, melalui seminar berkenaan diharap dapat membantu memperkukuh lagi kefahaman MIB dalam kalangan masyarakat, seterusnya menekankan kepentingan mengekalkan, mempertahankan dan menghayati amalan serta nilai-nilai MIB," tambahnya lagi.

Beliau seterusnya berkata seminar berkenaan nanti akan dimulakan dengan ucaptama bertajuk 'Memperkasa Penghayatan Amalan dan Nilai-nilai MIB Ke Arah Merealisasikan Wawasan Brunei 2035' yang akan disampaikan oleh Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Menurutnya lagi, sebanyak lima kertas kerja akan dibentangkan pada sesi pagi seminar berkenaan, iaitu kertas kerja I bertajuk 'Strategi Penerapan dan Pengukuhan Amalan dan Nilai-nilai MIB Dalam Kalangan Generasi Muda' disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dari Akademik Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD); kertas kerja II disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar, bertajuk 'Pemantapan Sistem Pendidikan Islam Dalam Mengukuhkan Falsafah MIB'.

Seterusnya beliau menambah, kertas kerja III bertajuk 'Tantangan Dunia Globalisasi dan Implikasinya Terhadap Pengamalan Nilai-nilai MIB' disampaikan oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah dari APB, UBD; kertas kerja IV dengan tajuk 'Sejarah dan Latar Belakang MIB' disampaikan oleh Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; dan kertas kerja V bertajuk 'MIB Mengukuhkan Perkhidmatan Awam Dari Aspek Pendidikan' disampaikan oleh Yang Di-Pertuan Persatuan Sejarah (PESEBAR), Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Pada sesi petang seminar pula jelasnya, akan diadakan Forum Khas bertajuk 'Pelestarian Pendidikan MIB Dalam Menghadapi Hambatan Dunia Kontemporari' dan akan dibincangkan bersama oleh ahli panel terdiri daripada Pemangku Timbalan Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Arman bin Haji Asmad; dan Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dari APB, UBD.

"Sementara, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup seminar nanti ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.

"Seminar berkenaan menyasarkan peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian-kementerian, ahli akademik dan para pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Pendidikan, sekolah-sekolah, masjid-masjid dan ahli persatuan-persatuan.

"Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, dipersilakan untuk menghubungi Setiausaha Bersama Seminar, Awang Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa, menerusi talian +673 8628213 atau e-mel *muslihuddin.mustafa@kupu-sb.edu.bn*," ujarnya lagi.



**SIDANG Media mengenai Seminar Kebangsaan Pendidikan Melayu Islam Beraja Semarak Hari Kebangsaan disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku Pengerusi Bersama Seminar dan Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah.**

# Zahir rasa syukur perasmian masjid baharu

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman, Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**



**AWANG Ismail bin Haji Tuah.**

**MERAGANG**, Jumaat, 1 Mac. - Pentingnya masjid dalam Islam tidak dapat disangkal, ia bukan hanya sekadar tempat ibadah, tetapi juga menjadi pusat pembelajaran, kesatuan dan kesejahteraan sosial.

Dalam konteks ini, adalah penting untuk memahami bahawa masjid bukan sahaja menjadi struktur fizik, tetapi juga tiang moral dan spiritual bagi umat Islam.

Sehubungan itu, tinjauan Pelita Brunei pada Majlis Perasmian Masjid Az-Zakireen Meragang yang diadakan sejurus sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat tengah hari tadi menyaksikan jemaah yang hadir berasa teruja setelah terbinanya masjid berkenaan.

Semasa ditemu bual, Awang Ismail bin Haji Tuah yang menetap di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang melahirkan rasa gembiranya dengan pembinaan masjid tersebut.

Jelasnya lagi, sebelum tertubuhnya masjid ini, beliau sering kali menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat Berjemaah secara berselang-seli di tiga masjid yang berdekatan iaitu Masjid Setia Ali Pekan Muara, Masjid Kampung Tanah Jambu dan Masjid Kampung Sungai Buloh.

Beliau seterusnya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas titah perkenan baginda dalam membangunkan masjid berkenaan.

Manakala Awang Mohd. Haris Syazwi bin Haji Mohd. Ismail yang menetap di Kampung Meragang turut melahirkan rasa gembiranya setelah terbinanya masjid berkenaan yang menurutnya akan memudahkan lagi beliau berserta keluarga untuk menunaikan ibadah.

Beliau menjelaskan, sebelumnya beliau dan keluarga menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Kampung Kapok.

Manakala, Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Meragang, Mukim Serasa, Awang Mohamad bin Haji Tamin semasa ditemu bual juga turut menzahirkan rasa gembiranya.

Menurutnya, pembinaan masjid tersebut adalah sangat bertepatan waktunya dengan bulan Ramadan yang bakal menjelang.

"Alhamdulillah, dengan terbinanya masjid ini, kami penduduk RPN Meragang sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan turut menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM. InsyaaAllah kalau umur panjang, kami akan menunaikan ibadah seperti Sembahyang Sunat Tarawih di bulan Ramadan yang akan datang di masjid ini," tambahnya.





**KETUA Kampung Kawasan 2 RPN Meragang, Mukim Serasa, Awang Mohamad bin Haji Tamin (kiri) dan Awang Mohd. Haris Syazwi bin Haji Mohd. Ismail semasa ditemu bual (kanan).**

# Sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia, 3 Mac

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan akan mengadakan acara sempena Sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2024 di OneCity Shopping Centre, Jalan Salambigar pada 3 Mac 2024, bermula dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

Orang ramai adalah dialu-alukan datang ke acara berkenaan untuk menyertai pemeriksaan gigi dan menggunakan aplikasi pencegahan varnis fluorida yang telah disediakan.

Orang ramai juga bakal berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pelbagai Pakar Pergigian termasuk mengenai bahayanya pendakap palsu atau *fake braces* dan venir palsu atau *fake veneers.*

Turut ditawarkan adalah khidmat nasihat kerjaya dan peluang pekerjaan di Perkhidmatan Pergigian seperti Doktor Gigi, Juruhigin Juruterapi Pergigian dan Pembantu Pergigian.

Hadiah menarik juga akan disediakan bagi pelbagai permainan, cabutan bertuah dan kepada peserta yang mempunyai kesihatan mulut yang bagus.

PELITA BRUNEI

# PEMENANG PERTANDINGAN DIKIR DIBAIE DIRAIKAN



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan kanan).**



**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**

**TEMBURONG**, Khamis, 29 Februari. - Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong diumumkan sebagai johan bagi Kategori Pasukan Lelaki dalam Pertandingan Dikir Dibaie bagi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah Masjid, Belia dan Beliawanis Masjid Senegara bersempena dengan Sambutan Israk dan Mikraj serta Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bagi Tahun 1445H / 2024M.

Naib johan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal diikuti tempat ketiga ialah Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar.

Sementara bagi Kategori Pasukan Perempuan pula dimenangi oleh Balai Ibadat Mukim Saba manakala naib johan disandang oleh Masjid Kampung Batu Apoi diikuti tempat ketiga ialah Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, di sini ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Dengan anjuran Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Belia dan Beliawanis Masjid Daerah Temburong serta kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, pertandingan tersebut merupakan pertandingan senegara yang melibatkan peserta daripada keempat-empat daerah.

Dengan adanya pertandingan itu diharap dapat mengembangkan seni Dikir Dibaie dan mengeratkan silaturahim antara para peserta keempat-empat daerah sekali gus mencungkil bakat berkumpulan dalam menyampaikan makna alunan qasidah Dikir Dibaie.

Selain itu, ia juga bertujuan sebagai pemangkin semangat dalam meneruskan dan memperkembang luas seni irama dakwah Islamiah yang menarik dan indah serta menjadi satu alternatif mendekatkan para belia untuk berzikir, berselawat dan berdoa dalam irama Dikir Dibaie.

Di samping itu, ia juga bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

# Forum ketengahkan kepentingan cegah NCDs

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**SUNGAI AKAR**, Jumaat, 1 Mac. - Obesiti atau berat badan yang berlebihan merupakan salah satu faktor utama bagi kebanyakan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) seperti diabetes, penyakit jantung dan tekanan darah tinggi.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) dengan kerjasama Miftah An-Nur Islamic International School dan Gleneagles JPMC julung kalinya mengadakan Forum Kesihatan bertajuk 'Bersama Ke Arah Generasi Yang Sihat' sempena Hari Obesiti Sedunia 2024 bertempat di Perpustakaan, Miftah An-Nur Islamic International School.

Forum yang memfokuskan kepada kesihatan kanak-kanak dan remaja tersebut antara lain mengetengahkan mengenai kepentingan pencegahan NCDs sejak peringkat usia awal menerusi penekanan tabiat dan gaya hidup yang lebih sihat dalam kalangan masyarakat.

Acara yang dihadiri lebih 50 peserta terdiri daripada ibu bapa pelajar termasuk tenaga pengajar sekolah berkenaan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC itu dipengerusikan oleh Pengetua Eksekutif, Miftah An-Nur Islamic International School, Bilal Buttar.

**KEMENTERIAN Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama Miftah An-Nur Islamic International School dan Gleneagles JPMC semasa mengadakan Forum Kesihatan sempena Hari Obesiti Sedunia (kanan). Manakala gambar bawah dan bawah sekali, antara pameran yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan.**




Manakala ahli-ahli panel terdiri daripada Pegawai Perubatan PPK, Dr. Faezah binti Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd Amin; Pakar Pemakanan Kemasyarakatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Chua Meah Lean; dan Ketua Intervensi Kardiologi, Gleneagles JPMC, Dr. Billal Patel.

Turut diadakan ialah pameran yang dikendalikan oleh pihak PPK.

Dengan adanya acara forum dan pameran tersebut, Kementerian Kesihatan berharap akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan bagi generasi yang akan datang.

Hari Obesiti Sedunia merupakan hari tindakan bersatu yang disambut setiap 4 Mac oleh Persekutuan Obesiti Sedunia (WOF) untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah obesiti yang semakin meningkat di seluruh dunia.








**ACARA dihadiri lebih 50 peserta terdiri daripada ibu bapa pelajar termasuk tenaga pengajar sekolah berkenaan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC.**

# Malu : Perhiasan mukmin sejati




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 :

**Tafsirnya :** "*Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingati Allah*".

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh teladan dan ikutan yang terbaik bagi seluruh umat manusia. Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah mengikuti dan mencontohi sifat-sifat dan akhlak Baginda. Adapun antara akhlak dan sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mesti dan patut kita contohi ialah bersifat malu. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, ia berkata :

**Maksudnya :** "*Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lebih pemalu daripada anak gadis yang ada di dalam biliknya apabila Baginda melihat sesuatu yang tidak disukainya, kami dapat mengetahui hal itu daripada raut wajahnya*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Imam Al-Ghazali Rahimullah berkata bahawa malu adalah perhiasan mukmin sejati. Ia merupakan akhlak para nabi dan rasul yang harus dimuliakan oleh setiap orang yang mengaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya sifat malu ialah sifat yang mengajar kita untuk sentiasa menghiasi diri dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji kerana ia dapat menjaga dan menjauhkan kita daripada melakukan sebarang bentuk perbuatan dosa, buruk, hina dan tercela. Daripada Imran bin Husain Radiallahuanhu berkata, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Malu itu tidak mendatangkan sesuatu melainkan kebaikan semata-mata*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Selain itu, perasaan malu juga akan membuatkan seseorang itu untuk lebih berhati-hati dalam setiap gerak-geri dan tingkah laku sama ada dari segi perkataan mahupun perbuatan.

Sesungguhnya beruntunglah bagi mereka yang dapat menghiasi dirinya dengan sifat malu kerana sifat malu itu adalah sebahagian daripada iman dan iman itu pula tempatnya adalah di syurga. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Sifat malu adalah sebahagian dari keimanan dan iman itu tempatnya di dalam syurga. Perkataan yang keji itu berasal dari watak dan perangai yang keras, sedangkan kekerasan itu tempatnya di dalam neraka*". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Perlu diketahui, bahawa terdapat dua jenis malu iaitu :

**Pertama :** Malu yang tercela iaitu malu untuk bertanya mengenai sesuatu ilmu yang tidak diketahui.

**Kedua :** Malu yang terpuji iaitu meletakkan malu pada tempatnya seperti malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala, malu melakukan dosa dan seumpamanya.

Menurut Al-Mawardi dalam Kitab Adab As-Dunia Wadden beliau membahagikan malu yang terpuji itu kepada tiga, iaitu :

**Pertama :** Malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang ditegah dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Terdapat beberapa cara yang dapat dilakukan untuk menanamkan perasaan malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya seperti menjaga anggota badan dan panca indera kita daripada melakukan maksiat, sentiasa ingat kepada kematian, sentiasa menyedari akan segala kelemahan dan dosa yang pernah dilakukan. Apabila kita menyedari dan menginsafi akan segala dosa, kelemahan dan kekurangan diri sendiri, maka sudah setentunya kita akan berasa malu dan segan untuk mengingkari suruhan dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kedua :** Malu kepada manusia iaitu tidak mengganggu dan menyakiti orang lain dengan meninggalkan perbuatan-perbuatan buruk yang tidak sepatutnya dilakukan terhadap orang lain seperti menyebarkan fitnah, mengadu domba, menjadi batu api dan seumpamanya.

**Ketiga :** Malu kepada diri sendiri iaitu mengawal diri ketika bersendirian dan menjaga diri daripada sifat-sifat tercela seperti berasa malu untuk menilai aib dan keburukan orang lain.

Adapun antara tanda kurangnya rasa malu itu ialah apabila seseorang itu secara terang-terangan melakukan kesalahan, kemungkaran, maksiat dan melafazkan perkataan-perkataan yang menyakitkan perasaan dan hati orang lain dengan sengaja, wanita yang berpakaian namun seolah-olah tidak berpakaian dan lelaki yang berkongsi perkara aib dan sulit tentang rumah tangga dengan orang lain.

Sesungguhnya aib merupakan suatu perkara yang tidak boleh sewenang-wenangnya dibuka ataupun disebarkan kepada orang lain. Namun, kita sering melakukan dan melupakan peringatan ini. Kita kerap kali mendedahkan aib orang yang mencanangkannya kepada khalayak ramai sehingga kita terlupa tentang amaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa pada satu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam naik mimbar dan bersabda : "*Wahai sekalian manusia yang beriman dengan lidahnya, namun belum masuk iman ke dalam hatinya. Janganlah engkau sekalian mengumpat orang Islam dan jangan membuka aib mereka kerana sesungguhnya orang yang membuka aib saudaranya yang Muslim maka Allah Subhanahu Wata'ala akan membuka aibnya. Dan sesiapa yang aibnya dibuka oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka dia akan membukanya sekali pun di dalam rumahnya*". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Oleh yang demikian, hiasilah diri kita dengan sifat malu kerana ia adalah perhiasan mukmin sejati dan juga sebagai benteng yang boleh mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan mungkar dan maksiat. Ingatlah, bahawa azab dan seksa Allah Subhanahu Wata'ala itu amat pedih. Oleh itu, jika hendak berbuat kejahatan, maka berfikirlah terlebih dahulu dan janganlah sewenang-wenang melakukannya.

Akhirnya, semoga dengan yang demikian, Allah Subhanahu Wata'ala akan kasih dan melindungi kita daripada azab seksanya dan semoga kita semua akan memperoleh keampunan dan pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka (walaupun) mereka tidak melihatnya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar*". (Surah Al-Mulk, ayat 12)

# Mensyukuri nikmat keamanan, kemakmuran negara

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**





**BAHAGIAN Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara Zon 1 dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pelambayan mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 bagi Tahun 1445H / 2024M (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 28 Februari. - Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara Zon 1 dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pelambayan mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 bagi Tahun 1445H / 2024M.

Majlis berkenaan diadakan di Masjid Kampung Pelambayan.

Antara tujuan majlis berkenaan diadakan adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman akan nilai nikmat keamanan dan kemakmuran negara selain kewajiban mensyukuri nikmat berkenaan yang dapat menanamkan rasa cinta dan sayang lebih mendalam terhadap negara.

Selain itu, ia juga untuk memberi kesedaran kepada para Muslimah akan peranan mereka dalam mendukung hasrat kerajaan ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-40 dengan pengisian amalan-amalan zikir, melazimkan diri dengan bacaan zikir dalam kehidupan dan seterusnya mendukung ke arah Negara Zikir.

Acara berkenaan secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para Muslimah.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Pemangku Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah JHEM, Pengiran Hajah Alizah binti Pengiran Haji Mohd. Tahir.

# PESERTA KURSUS KEPIMPINAN PANDU PUTERI TAHUN 2024 TERIMA SIJIL



**PENGARAH Sekolah-sekolah, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta (atas). Sementara gambar kanan, peserta-peserta Kursus Kepimpinan Pandu Puteri Tahun 2024.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 1 Mac. - Kursus Kepimpinan Pandu Puteri Tahun 2024 anjuran bersama Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum berakhir hari ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di Dewan Serbaguna, Lifelong Learning Centre, Kementerian Pendidikan, Lambak Kanan.

Kursus diadakan selama dua hari bermula 29 Februari hingga 1 Mac 2024 bagi Pandu Puteri, Pandu Puteri Ranjer dan Pemimpin Dewasa serta pada 1 Mac 2024 bagi Pandu Puteri Tunas.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pengarah Sekolah-sekolah, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Majlis diisikan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Bahagian Kegiatan dan Fasilitator Kursus Kepimpinan Pandu Puteri 2024, Dayang Nasriah binti Awang Nasib, diikuti dengan ucapan daripada peserta terbaik Pandu Puteri / Pandu Puteri Ranjer bagi Kursus Kepimpinan Pandu Puteri 2024 iaitu Dayangku Nuwairah Darwisyah binti Pengiran Mohd. Daimenul Shah dan diteruskan dengan tayangan video aktiviti-aktiviti sepanjang kursus dijalankan.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyampaikan lencana, hadiah dan sijil penyertaan kepada peserta-peserta Kursus Kepimpinan Pandu Puteri Tahun 2024.

Seramai 107 ahli terdiri daripada sembilan Ahli Pandu Puteri Ranjer, 68 Ahli Pandu Puteri dan 19 Ahli Pandu Puteri Tunas dari 15 buah Sekolah Menengah dan Pusat Tingkatan Enam serta lima buah sekolah rendah dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyertai kursus tersebut.

Kursus turut dibukakan buat pemimpin-pemimpin baharu Pandu Puteri dan guru-guru yang hendak menubuhkan Pasukan Pandu Puteri iaitu seramai 11 orang dari 11 buah sekolah yang telah menyertai.

Tujuan utama kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan semangat kepimpinan peserta selaku ketua atau pemimpin masa depan (*future leader)* dalam mengendalikan pasukan atau kumpulan masing-masing dengan cara membina kefahaman peserta akan peranan dan tanggungjawab ketua di samping meningkatkan kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir dan kemahiran kolaborasi peserta dalam beraktiviti.

Antara aktiviti yang diungkayahkan ialah aktiviti kepanduan, kepimpinan, aktiviti merancang, perbincangan, pembentangan, pengurusan diri, pengurusan kumpulan, permainan dan kawad. Juga hadir, Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali serta Ahli-ahli PPPBD yang lainnya.








# Kukuhkan semangat solidariti, patriotik pelajar



**JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang dihadiri oleh pelajar Tahun 7. Turut hadir, Penolong Pengetua Sekolah, Awang Hidayatallah Waqiuddin bin Haji Mohiddin dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 29 Februari . - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertempat di Dewan Kuliah sekolah berkenaan.

Program taklimat berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar.

Seramai 103 pelajar Tahun 7 menghadiri taklimat berkenaan.

Turut hadir, Penolong Pengetua Sekolah, Awang Hidayatallah Waqiuddin bin Haji Mohiddin dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Antara lain taklimat yang disampaikan ialah menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan juga sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

INFO Teknologi



# Radio kekal relevan sebagai penyalur maklumat semasa

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Nurhamiza Haji Roslan, Ihsan Freepik

**Pendahuluan**

**EVOLUSI** radio menjangkau lebih satu abad, daripada penciptaannya pada akhir Abad Ke-19 hingga ke era digital hari ini. Penciptaan radio bermula dengan eksperimen awal oleh para pencipta seperti Marconi dan Tesla yang kemudian membawa kepada perkembangan teknologi radio Modulasi Amplitud (AM) dan Modulasi Frekuensi (FM). Zaman Keemasan Radio pada tahun 1920-an dan 1930-an menyaksikan kebangkitan program-program hiburan dan siaran berita. Penciptaan transistor pada tahun 1950-an merevolusikan radio, menjadikan peranti radio lebih kecil dan mudah alih. Pada tahun 1960-an kualiti bunyi radio bertambah baik dengan adanya penyiaran stereo FM. Pada tahun-tahun kemudian seiring dengan pembangunan teknologi, teknologi radio terus berkembang sehingga adanya radio satelit dan penstriman Internet yang membolehkan lebih banyak pilihan rangkaian dan aksesibiliti. Hari ini, radio terus mengadaptasikan diri dengan kewujudan *podcast* ataupun audio siar, perkhidmatan penstriman dalam talian dan teknologi radio digital.

Pada awalnya, penggunaan utama radio ialah untuk komunikasi jarak jauh, terutamanya untuk tujuan maritim dan ketenteraan. Radio pada masa itu membolehkan kapal-kapal laut berkomunikasi dengan stesen-stesen pantai dan antara satu sama lain, penggunaan radio juga menambahbaik kebolehan navigasi, keselamatan dan koordinasi di laut. Selain itu, radio pada masa itu memainkan peranan penting dalam komunikasi ketenteraan semasa Perang Dunia Pertama. Tidak lama setelah terciptanya radio, potensi penggunaan radio dalam siaran hiburan, berita dan maklumat semakin ketara. Menjelang tahun 1920-an, penyiaran radio telah menjadi satu kaedah komunikasi massa yang popular, yang membawa kepada penubuhan stesen radio komersial dan terlahirnya industri penyiaran.

**Perkembangan radio mengikuti pengedaran zaman**

Radio telah mengalami perubahan ketara sejak penciptaannya, berkembang dari segi teknologi, budaya, dan dari segi peranannya dalam masyarakat. Beberapa perubahan utama termasuk kemajuan teknologi radio. Pada awalnya teknologi radio menggunakan *spark-gap transmitter* yang agak mencabar untuk digunakan tetapi kini banyak penambahbaikan telah dilakukan sehingga adanya teknologi penyiaran digital moden. Penciptaan tiub vakum, *transistor*, litar bersepadu dan pemprosesan isyarat digital telah meningkatkan kualiti penghantaran mesej melalui radio serta mengurangkan saiz radio dan meningkatkan kecekapannya. Perubahan seterusnya adalah pengenalan FM pada pertengahan Abad Ke-20 yang memberikan kualiti bunyi yang lebih jelas dan kurang gangguan berbanding AM.

Penciptaan transistor radio pada tahun 1950-an menjadikan radio lebih mudah diakses dan mudah alih. Ini membolehkan orang ramai mendengar muzik dan program semasa sedang dalam perjalanan. Dari sini dapat dilihat penyepaduan penerima radio ke dalam pelbagai peranti yang boleh dimuatkan ke dalam kereta, telefon mudah alih dan pembesar suara pintar yang meluaskan lagi jangkauan radio. Pada awalnya radio digunakan untuk komunikasi jarak jauh tapi kini radio digunakan sebagai penyiar pelbagai kandungan termasuk kandungan hiburan seperti muzik, kandungan berita, rancangan bual bicara, program pendidikan dan siaran audio ataupun podcast antara lainnya. Perkhidmatan radio satelit, seperti SiriusXM pula menawarkan pelbagai saluran dengan akses berasaskan langganan, memberikan pendengar audio berkualiti tinggi dan kandungan khusus. Platform radio dalam talian dan perkhidmatan penstriman juga telah meraih populariti, membolehkan pendengar mengakses stesen radio dan senarai main yang diperibadikan dalam talian.

Teknologi radio digital, seperti Radio HD dan Penyiaran Audio Digital (DAB), menawarkan kualiti bunyi yang lebih baik, saluran tambahan dan perkhidmatan data. Teknologi ini juga membolehkan ciri seperti paparan maklumat lagu dan *multicasting*. Banyak stesen radio dan program kini berinteraksi dengan pendengar melalui media sosial, tinjauan interaktif dan panggilan masuk pendengar, memupuk semangat kemasyarakatan dan interaktiviti.

**Radio kekal popular sebagai media komunikasi**

Pada hari ini radio masih mempunyai ramai pendengar dan pengguna menjadikannya perantara atau media komunikasi yang popular. Ini ialah kerana radio mudah diakses oleh khalayak luas dan ia hanya memerlukan *receiver* atau penerima asas, yang boleh didapati dalam kereta, rumah, tempat kerja dan peranti mudah alih. Kebolehcapaian ini memastikan radio mencapai pelbagai demografi, termasuk mereka yang tidak mempunyai akses Internet atau mereka yang berada di kawasan yang mempunyai sambungan Internet terhad.

Radio juga menjadi pilihan media komunikasi yang popular kerana ia sangat efisien dalam menghubung masyarakat tempatan. Stesen radio sering memberi khidmat kepada komuniti setempat, menyediakan berita, maklumat dan hiburan yang disesuaikan dengan minat dan kebimbangan masyarakat tempatan. Personaliti dan program radio tempatan mewujudkan rasa kemasyarakatan dan perhubungan, memupuk kesetiaan pendengar. Selain itu radio juga berfungsi sebagai medium pendamping untuk banyak aktiviti harian, seperti apabila kita membuat perjalanan jauh atau berulang alik membawa kenderaan dari satu tempat ke satu tempat, apabila bekerja, bersenam dan membuat kerja rumah. Format audionya membolehkan pendengar melakukan pelbagai tugas sambil mendengar kandungan atau maklumat yang disampaikan.

Radio juga menjadi media yang popular kerana peranan hos radio atau DJ yang pandai berinteraksi dengan pendengar. Dalam berinteraksi bersama pendengar, hos radio atau DJ sedang membina hubungan dengan pendengar mereka. Ini dilakukan dengan cara berinteraksi dengan pendengar melalui panggilan masuk, media sosial dan acara komuniti. Pendekatan ini meningkatkan penglibatan dan kesetiaan pendengar.

Secara keseluruhannya, populariti berterusan radio boleh dikaitkan dengan kebolehcapaian ataupun aksesibiliti, kepelbagaian kandungan yang disampaikan, keupayaan berinteraksi dan membina hubungan dengan pendengar serta keupayaan kekal relevan dalam kalangan masyarakat. Walaupun berhadapan dengan persaingan daripada platform digital dan media digital yang lain, radio terus berkembang maju sebagai medium penting untuk hiburan, maklumat dan penglibatan komuniti.






BERITA GLOBAL

# AHLI PARLIMEN AS SETUJU ELAK PENUTUPAN KERAJAAN SEBELUM TARIKH AKHIR

**WASHINGTON**, 29 Feb. - Pemimpin Kongres AS telah mencapai persetujuan untuk menghalang penutupan sebahagian kerajaan persekutuan yang dijadualkan pada tengah malam Jumaat ini, kata Ahli Parlimen pada Rabu.

Parti Demokrat dan Republikan telah bersetuju untuk membiayai sektor kerajaan tertentu dan telah memutuskan untuk melanjutkan tarikh akhir penutupan sedia ada kepada 8 Mac dan 22 Mac.

Ini akan memberi Kongres lebih banyak masa untuk mengusahakan rang undang-undang perbelanjaan tahunan, lapor Xinhua. "Kami bersetuju bahawa Kongres perlu bekerja secara dwipartisan untuk membiayai kerajaan kami," kata Speaker Dewan Perwakilan Mike Johnson dan Ketua Majoriti Senat Chuck Schumer dalam satu kenyataan bersama.

Menurut kenyataan itu, selepas teks akhir tersedia Kongres akan mengundi dan meluluskan satu pakej enam rang undang-undang perbelanjaan tahunan yang membiayai pelbagai jabatan, termasuk pertanian, perdagangan, tenaga, dalam negeri, kehakiman, pengangkutan dan hal ehwal veteran sebelum 8 Mac.

Baki enam rang undang-undang perbelanjaan, termasuk pertahanan, perkhidmatan kewangan dan kerajaan am, keselamatan dalam negeri, kesihatan buruh dan perkhidmatan manusia, cawangan perundangan serta operasi negeri dan luar negeri, akan dimuktamadkan, diundi dan diluluskan sebelum 22 Mac.

Pengumuman itu dibuat sehari selepas Johnson berkata bahawa beliau "sangat optimis" Kongres akan mengelakkan penutupan kerajaan menjelang tarikh akhir Jumaat ini, selepas bertemu dengan Presiden Joe Biden dan pemimpin utama Kongres di Rumah Putih. Walaupun terdapat perjanjian, pemimpin Kongres masih perlu mendapatkan persetujuan perjanjian itu dari Kongres. - ©BERNAMA

# PBB pertimbang semua pilihan untuk bawa masuk bantuan ke Gaza termasuk payung terjun

**TORONTO**, 29 Feb. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu mengulangi keperluannya untuk lebih banyak akses bagi menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza sambil ia melihat semua pilihan lain termasuk menggunakan payung terjun (air-drop).

Jurucakap Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres, Stephane Dujarric berkata secara ideal, badan dunia itu memilih jalan raya sebagai pilihan untuk membawa bantuan ke Gaza, lapor Agensi Anadolu.

"Payung terjun amat mencabar tetapi ia adalah pilihan (untuk WFP) (Program Makanan Sedunia). Secara ideal, kami mahu membawa bantuan melalui jalan raya, kami mahu lebih banyak laluan dibuka, kami mahu lebih banyak pintu masuk dibuka," katanya semasa sidang media.

Dujarric juga menekankan keperluan untuk meningkatkan penyelarasan antara negara-negara anggota mengenai operasi kemanusiaan. Mesir, Jordan, Emiriah Arab Bersatu, Perancis dan Qatar pada Selasa melaksanakan operasi untuk menggugurkan bantuan ke Gaza dengan pesawat.

Israel telah mengenakan sekatan yang melumpuhkan Semenanjung Gaza, menyebabkan penduduknya khususnya di utara Gaza kini di ambang krisis kebuluran.

Serangan berterusan Israel di Semenanjung Gaza sejak 7 Okt lepas membunuh hampir 29,954 rakyat Palestin dan mencederakan lebih 70,000 penduduk lain dengan menyebabkan kemusnahan besar-besaran dan kekurangan barang keperluan. - ©BERNAMA

# Kesihatan Raja Harald V semakin baik

**KUALA LUMPUR**, 29 Feb. - Raja Norway Raja Harald V yang kini sedang menjalani rawatan di Hospital Sultanah Maliha (HSM) di Langkawi, Malaysia semakin pulih daripada jangkitan, kata pihak Istana Norway.

Pihak istana menerusi laman sesawang www.royalcourt.no pada Rabu berkata keadaan kesihatan Raja Harald V yang semakin pulih disahkan oleh doktor peribadinya di Langkawi. "Baginda dirawat dengan baik di hospital dan menerima rawatan yang baik," menurut kenyataan itu.

Menurut Istana Norway, Raja Harald V akan berada di hospital untuk beberapa hari lagi dan belum ada keputusan dibuat berhubung keberangkatan pulang baginda ke tanah air. "Kedutaan Norway di Kuala Lumpur telah menawarkan bantuan praktikal semasa lawatan ini," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyatakan bahawa program rasmi bagi seluruh kerabat diraja akan diteruskan seperti yang dirancang. Pada Rabu, Bernama melaporkan Raja Harald V sedang menerima rawatan di Wad Diraja hospital itu selepas gering semasa bercuti di Malaysia.

Raja Harald V yang sedang dalam lawatan peribadi ke Malaysia dijadual menyambung semula tugas rasminya pada 8 Mac, apabila baginda dijangka bertemu dengan anggota Kabinet di Istana Diraja di Oslo. Dilahirkan pada 21 Feb 1937, Raja Harald V menaiki takhta Norway pada tahun 1991. - ©BERNAMA

# 14 maut dalam nahas jalan raya di Madhya Pradesh India

**NEW DELHI**, 29 Feb. - Sekurang-kurangnya 14 orang maut dan 20 lagi cedera dalam nahas jalan raya di negeri Madhya Pradesh di tengah India.

Kemalangan itu berlaku pada awal pagi Khamis di daerah Dindori, kira-kira 470 kilometer dari ibu negeri Bhopal, menurut laporan media tempatan.

Pikap yang dinaiki mangsa dilaporkan hilang kawalan sebelum terhumban ke dalam lembah sedalam 50 kaki.

"Kerajaan negeri akan memberi bantuan kewangan sebanyak 400,000 rupee (RM22,970) setiap seorang kepada waris mangsa dan menyediakan rawatan kepada mereka yang cedera," kata Ketua Menteri Madhya Pradesh, Mohan Yadav. - ©BERNAMA

# 23 migran maut bot dinaiki karam di Senegal

**DAKAR**, 29 Feb. - Seramai 23 migran maut selepas bot dinaiki mereka menuju ke Eropah karam di luar pantai Saint-Louis di utara Senegal, menurut media tempatan pada Rabu, lapor Xinhua.

Menurut bomba, bot membawa seramai 280 migran itu terbalik di laut sebelum terdampar di pantai berkenaan. Operasi menyelamat masih dijalankan untuk mencari mangsa yang terselamat. Tentera laut turut dikerah untuk menjalankan operasi mencari dan menyelamat. - ©BERNAMA

# Montenegro sasar sertai EU menjelang 2028

**MOSCOW,** 28 Feb. - Montenegro berharap untuk menyertai Kesatuan Eropah (EU) sebagai negara anggota ke-28 menjelang tahun 2028, menurut Perdana Menteri negara itu, Milojko Spajic pada Rabu, lapor Sputnik.

"Strategi kami adalah 28 menjelang tahun 2028," kata Spajic kepada akhbar Financial Times, sambil menegaskan Montenegro 'lebih bersedia' berbanding negara jirannya.

Menurut Perdana Menteri itu, Montenegro boleh menggantikan Britain yang bertindak keluar dari EU pada tahun 2020.

Spajic berkata Montenegro telah memperkenalkan pembaharuan kehakiman, meningkatkan gaji minimum, mengehadkan penggunaan wang tunai dalam transaksi besar dan juga berusaha ke arah menangani jenayah terancang.

Croatia menjadi negara anggota terbaharu menyertai EU pada tahun 2013 selepas menunggu selama 10 tahun. - ©BERNAMA

# Jepun mula fasa keempat lepas air terawat dari loji nuklear Fukushima

**TOKYO**, 28 Feb. - Jepun pada Rabu mula melaksanakan fasa keempat pelepasan air radioaktif terawat dari loji kuasa nuklear (NPP) Fukushima yang dijadualkan berlangsung sehingga 16 Mac, menurut data Tokyo Electric Power Company (TEPCO).

Pengendali loji itu merancang untuk melepaskan sebanyak 7,800 tan air ke Lautan Pasifik, lapor Sputnik.

Tiga pusingan pelepasan air terawat sebelum ini dari NPP Fukushima telah dijalankan pada Ogos, Oktober dan November 2023.

Jepun mula melepaskan sebahagian daripada anggaran 1.34 juta tan air terawat dari NPP Fukushima ke laut pada Ogos 2023 walaupun terdapat bantahan daripada negara jiran dan nelayan tempatan.

Secara keseluruhan, lebih 31,000 tan air radioaktif terawat akan dilepaskan pada tahun fiskal 2023 yang berakhir pada 31 Mac.

Keseluruhan proses dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya 30 tahun. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# DUNIA KUTUK SERANGAN ISRAEL KE ATAS PENDUDUK YANG SEDANG TUNGGU BANTUAN KEMANUSIAAN

**GAZA**, 1 Mac. - Serangan terbaharu Israel yang menyasarkan orang awam Palestin semalam sekali lagi mencetuskan kemarahan dan kecaman hebat dunia. Tembakan langsung oleh tentera Israel ke arah himpunan orang awam yang terdesak untuk mendapatkan bantuan kemanusiaan telah mengakibatkan lebih 100 orang terkorban dan ratusan lagi cedera, menurut WAFA.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, mengecam tindakan yang menyasarkan rakyat Palestin semasa penghantaran bantuan di utara Gaza.

Jurucakapnya Stephane Dujarric yang menyifatkan insiden itu sebagai "mengerikan" menyatakan bahawa orang awam yang terdesak di Gaza memerlukan bantuan segera, termasuk mereka yang dikepung di utara yang sudah lebih seminggu tidak dapat diakses oleh PBB.

Menurutnya, Guterres turut melahirkan kebimbangannya terhadap kehilangan tragis nyawa manusia akibat pencerobohan Israel di Semenanjung Gaza, sambil mengulangi gesaan gencatan senjata segera. Parlimen Arab turut mengecam pembunuhan beramai-ramai itu, dengan menyatakan ia adalah "penyasaran kejam dan mengerikan" yang dilakukan oleh Israel terhadap orang awam Palestin.

Dalam kenyataannya yang dipetik WAFA, Parlimen Arab mengutuk sikap berdiam diri masyarakat antarabangsa atas jenayah kejam Israel dan kegagalan untuk mempertanggungjawabkan rejim itu atas jenayahnya terhadap orang awam Palestin, termasuk kanak-kanak, wanita dan warga emas.

"Ia jelas jenayah memalukan dan tidak bermoral", menurut kenyataan itu sambil menegaskan bahawa ia adalah pelanggaran terang-terangan terhadap undang-undang antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Ia juga menyeru parlimen antarabangsa, serantau dan Eropah untuk memberi tekanan kepada kerajaan mereka agar segera membela rakyat Palestin yang sedang mengalami jenayah paling kejam selain membawa Israel untuk diadili di Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Sementara itu, Kementerian Luar Negeri dan Ekspatriat Palestin, mengutuk sikap Menteri Keselamatan Israel Itamar Ben Gvir yang memuji tindakan tenteranya melakukan pembunuhan beramai-ramai di Jalan Al-Rashid di Gaza.

"Ia isyarat jelas kepada niat dan dasar rasmi Israel untuk menghapuskan rakyat Palestin dan secara terang-terangan menentang Mahkamah Keadilan Antarabangsa selain menghina pendirian dan tuntutan antarabangsa untuk melindungi orang awam," menurutnya seperti dipetik WAFA. Mesir pula menganggap tindakan Israel itu sebagai memalukan dan pengabaian terhadap nilai kemanusiaan dan kesucian nyawa.

Ia menegaskan pendirian tegasnya menuntut gencatan senjata segera di Semenanjung Gaza dan keperluan untuk menghapuskan semua halangan kepada aliran bantuan kemanusiaan ke wilayah itu. Mesir turut menolak sebarang percubaan yang bertujuan untuk memindahkan penduduk Palestin keluar dari wilayah asal mereka.

Di Jordan, jurucakap rasmi Kementerian Luar Negeri dan Hal Ehwal Ekspatriatnya Duta Sufyan Al-Qudah, menegaskan penolakan mutlak kerajaan negaranya terhadap pendudukan berterusan Israel yang menyasarkan orang awam di Semenanjung Gaza.

Menurutnya, Jordan memperbaharui seruannya kepada masyarakat antarabangsa "agar menyediakan perlindungan untuk rakyat Palestin dan mempergiat usaha untuk merealisasi gencatan senjata serta-merta dan kekal di Gaza selain memastikan penghantaran bantuan kemanusiaan yang mampan ke semua bahagian di Semenanjung Gaza."

Pendirian sama dikongsi kerajaan Arab Saudi yang mengesahkan penolakannya terhadap tindakan Israel yang menurutnya jelas melanggar undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Ia turut memperbaharui seruannya kepada masyarakat antarabangsa untuk mengambil pendirian tegas, mewajibkan Israel menghormati undang-undang kemanusiaan antarabangsa, segera membuka koridor kemanusiaan yang selamat, membenarkan pemindahan rakyat yang cedera dan membenarkan penghantaran bantuan kemanusiaan tanpa sekatan.

Menurut wartawan WAFA, anggota tentera Israel dan kereta kebal yang ditempatkan di Jalan Haroun Al-Rashid di barat Kota Gaza semalam melepaskan tembakan ke arah ribuan rakyat Palestin yang sedang menunggu trak bantuan, mengakibatkan kematian lebih 100 orang dan ratusan lagi cedera. Menurut sumber perubatan Palestin, setakat tengah hari semalam puluhan jasad yang syahid dan cedera masih berada di lokasi dan tiada akses ambulans dibenarkan.

Sejak pencerobohan Israel pada 7 Okt, 2023, 31 daripada 36 hospital dan 152 institusi kesihatan yang disasarkan tidak dapat beroperasi akibat pengeboman, pemusnahan dan kekurangan bekalan perubatan, bahan api dan elektrik.

Israel juga masih terus menghalang akses bantuan kemanusiaan ke Semenanjung Gaza, khususnya ke wilayah utara manakala bantuan yang sampai ke selatan Semenanjung itu tidak mencukupi untuk menampung keperluan mendesak rakyat terutama di Rafah yang dianggap tempat perlindungan terakhir.

Rafah yang hanya berkeluasan kira-kira 65 kilometer persegi, kini dihuni lebih 1.3 juta rakyat Palestin, majoritinya tinggal di khemah diperbuat daripada plastik dan kain selain tidak mempunyai kemudahan asas dan keperluan minimum untuk kelangsungan hidup. - ©BERNAMA

## 43 maut dalam kebakaran bangunan di Dhaka, Bangladesh

**DHAKA**, 1 Mac. - Sekurang-kurangnya 43 orang terbunuh dalam kebakaran bangunan tujuh tingkat di sini pada Khamis malam, lapor Xinhua.

Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Keluarga Bangladesh Samanta Lal Sen pada awal Jumaat mengesahkan angka kematian itu.

Menteri itu berkata seramai 33 mayat dibawa ke Hospital Kolej Perubatan Dhaka dan 10 yang lain ke Sheikh Hasina National Institute of Burn and Plastic Surgery di Dhaka.

Seorang inspektor di ibu pejabat Perkhidmatan Bomba dan Pertahanan Awam di Dhaka, Anwarul Islam berkata kira-kira 75 orang, termasuk 42 yang ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri telah diselamatkan dari "Green Cozy Cottage Shopping Mall" dan dikejarkan ke beberapa hospital.

Islam berkata sekurang-kurangnya 12 unit bomba dikerah ke lokasi selepas menerima maklumat kejadian kira-kira 9.30 malam waktu tempatan.

Pegawai itu berkata bangunan berkenaan menempatkan sebuah restoran, sebuah kedai runcit dan beberapa kedai lain. - ©BERNAMA

## Perhilitan Kelantan tangkap gajah liar, ganggu penduduk kampung di Kuala Krai

**KOTA BHARU**, 1 Mac. - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan menangkap seekor gajah liar jantan di Kampung Laloh, Kuala Krai di sini pada Selasa lepas. Perhilitan Kelantan dalam kenyataan semalam memaklumkan haiwan itu ditangkap selepas menerima aduan gangguan gajah liar daripada penduduk kampung berkenaan.

Menurut kenyataan itu, tangkapan haiwan liar terbabit melegakan penduduk di kawasan terlibat seterusnya dapat mengelakkan kerugian berterusan dialami penduduk akibat kemusnahan tanaman dan harta benda berikutan konflik gajah itu.

"Sebanyak 10 anggota daripada Perhilitan Daerah Kuala Krai dan Unit Tangkapan Gajah Negeri Kelantan telah menjalankan pemantauan dalam menangkap gajah liar terbabit," menurut kenyataan itu.

Perhilitan menjelaskan operasi pemindahan dan pelepasan gajah liar itu ke habitat yang lebih sesuai dan selamat akan dijalankan esok dengan bantuan dua ekor gajah denak (Kasturi dan Sanum) serta 12 kakitangan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Lanchang, Pahang. Operasi berkenaan turut melibatkan 10 kakitangan Perhilitan Kelantan.

Menurut kenyataan itu, tindakan tangkapan dan pemindahan gajah liar itu bukan penyelesaian jangka panjang memandangkan kawasan kebun berkenaan berhampiran dengan kawasan Hutan Simpan Kekal Sungai (HSK) Rek yang mempunyai anggaran populasi gajar liar lebih 20 ekor.

Sementara itu, tindakan bagi mengurangkan konflik yang berlaku di kawasan berkenaan telah dijalankan dengan memberi khidmat nasihat kepada penduduk khususnya pekebun agar mengambil langkah-langkah mitigasi.

"Antaranya memasang lampu LED biru di laluan yang dikenal pasti laluan masuk gajak ke kebun serta membina Sistem Pagar Elektrik Gajah di sekeliling kawasan kebun," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

## India dan AS bincang perangi pendatang tanpa izin

**NEW DELHI**, 1 Mac. - Pegawai keselamatan dalam negeri India dan Amerika Syarikat (AS) membincangkan usaha memerangi pendatang tanpa izin dan isu penguatkuasaan undang-undang lain di sini. Perbincangan yang diadakan dari 27 hingga 29 Feb itu turut meliputi kerjasama antinarkotik, kerjasama kastam, keganasan dan jenayah siber.

"US-India Homeland Security Dialogue" dipengerusikan bersama oleh pemangku timbalan setiausaha di Jabatan Keselamatan Dalam Negara dan Setiausaha Dalam Negeri India Ajay Bhalla.

Dalam satu kenyataan media pada Khamis, Jabatan Keselamatan Dalam Negara AS berkata kedua-dua pihak komited untuk "memperkukuh akses kepada saluran imigresen yang sah sambil menguatkuasakan undang-undang imigresen, termasuk penghantaran pulang individu tanpa hak undang-undang untuk tinggal di Amerika Syarikat.

"Mereka juga bersetuju untuk bekerjasama bagi memperluas kerjasama penguatkuasaan undang-undang dengan menyasarkan penyeludup yang mengeksploitasi dan mengaut keuntungan daripada migran yang mudah terdedah kepada bahaya," katanya.

Amerika Syarikat telah mengalami peningkatan ketara pendatang tanpa izin dari India. Seramai 96,917 pendatang tanpa izin India ditemukan pihak berkuasa AS pada tahun lepas, menurut Menteri Hal Ehwal Luar India V. Muraleedharan dalam persidangan Parlimen pada Disember dengan merujuk data Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan AS. - ©BERNAMA

## Ukraine minat jadi rakan dialog sektoral ASEAN

**KUALA LUMPUR**, 1 Mac. - Ukraine berazam untuk mengukuhkan hubungannya dengan ASEAN dan kini sedang berusaha untuk menyertai blok itu sebagai rakan dialog sektoral, kata Timbalan Menteri Luar Ukraine Iryna Borovets.

Borovets juga mengumumkan pelantikan Igor Polikha sebagai Wakil Khas Duta Umum ASEAN. Tanggungjawab utama Polikha adalah untuk mewujudkan kerjasama dan perbincangan antara ASEAN dan Ukraine dalam pelbagai sektor.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis Ukraine-ASEAN: Vision of Cooperation, yang dianjurkan oleh Kementerian Luar Ukraine di Hennadii Udovenko Diplomatic Academy of Ukraine di Kyiv pada Khamis. Sesi itu juga disiarkan secara langsung di Facebook kementerian.

Beliau berkata Ukraine akan menghantar surat berkaitan mengenai hasrat negara untuk menjadi rakan sektoral ASEAN kepada Menteri Luar Laos Saleumxay Kommasith selaku Pengerusi ASEAN semasa dan Setiausaha Agung ASEAN Kao Kim Hourn.

"Ukraine mahu mengukuhkan kerjasama dengan negara-negara di Selatan Global dan khususnya negara-negara Asia Tenggara. Potensi hubungan Ukraine-ASEAN adalah besar," katanya.

Semasa acara itu, pengarah Kementerian Luar Ukraine untuk Indo-Pasifik Olexander Nechytaylo berkata Asia Tenggara sentiasa menjadi bahagian yang sangat penting dalam dasar luar Ukraine di Indo-Pasifik.

Beliau berkata selepas Ukraine secara rasmi menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara pada tahun 2022, satu kertas dasar telah dirangka mengenai visi kerjasama Ukraine-ASEAN.

Kertas dasar itu mengenal pasti bidang kerjasama yang pada pendapat Ukraine boleh menjadi kepentingan bersama da n boleh membawa manfaat yang jelas bagi kedua-dua Ukraine dan blok ASEAN, termasuk makanan dan pertanian, digital, perdagangan, tenaga, pengurusan bencana, kerjasama sosial dan ekonomi.

Sementara itu, timbalan setiausaha agung ASEAN bagi Komuniti Ekonomi ASEAN Satvinder Singh dalam ucapannya menerusi video pada majlis itu berkata sekretariat ASEAN bersedia untuk bekerjasama dengan Ukraine melalui kedutaan Ukraine di Jakarta.

Beliau berkata bidang-bidang yang boleh diusahakan oleh Ukraine dan negara ASEAN termasuk, pertanian, keselamatan makanan, perubahan iklim, keselamatan siber dan transformasi digital. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# UJI TAHAP KECERGASAN FIZIKAL PELAJAR



**UJIAN Kecergasan adalah satu prosedur atau teknik yang digunakan untuk menguji tahap kecergasan fizikal pelajar.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**RIMBA**, Rabu, 28 Februari. - Seramai 40 pelajar Tahun 9 dari dua buah kelas di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) menyertai Program Ujian Kecergasan yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai dan pelajar yang mengikuti Program Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Latihan Dalam Perkhidmatan) Sesi 2023 / 2024 di bawah kelolaan Pusat Ilmu Teras, Pengurusan Ko-Kurikulum, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Ujian Kecergasan adalah satu prosedur atau teknik yang digunakan untuk menguji tahap kecergasan fizikal pelajar. Malah, prosedur dan teknik ujian ini dijalankan mengikut peringkat umur, kebolehan pelajar serta mengambil kira peralatan dan tempat ujian yang dijalankan.

Program tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, SASHHB dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa dipimpin oleh Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan kemudian diikuti dengan sesi pemanasan badan yang diketuai oleh Awang Muhammad Yusri bin Haji Raman.

Sejurus selepas itu, diteruskan dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Awang Md. Nur Hadi bin Ismail.

Objektif utama program dijalankan adalah untuk menganalisis dan mencatat kecergasan fizikal pelajar dan sebagai penanda aras tahap kesihatan pelajar serta memberi kesedaran kepada pelajar akan tahap kecergasan dan kesihatan mereka.

Ujian Kecergasan ini dijalankan mengikut urutan aktiviti fizikal, bermula dari larian ulang alik, *push up, sit up, plank* dan yang terakhir sekali iaitu *jumping jack.*

Manakala *checkpoint* ada disediakan pada setiap peringkat urutan dan aktiviti fizikal dijalankan berdasarkan ketetapan masa. Para pelajar diarahkan untuk merekodkan keputusan Ujian Kecergasan mereka pada borang yang telah disediakan.

Dengan adanya Ujian Kecergasan ini dapat memberikan maklumat mengenai tahap kesihatan pelajar dan diharap akan dapat memotivasikan pelajar mengamalkan gaya hidup sihat yang semestinya diterapkan sejak di bangku sekolah lagi.

Di samping itu, untuk memupuk kesedaran para pelajar akan pentingnya nilai kesihatan diri pelajar selain menambahkan semangat kesukanan, saling bekerjasama dalam menyelesaikan cabaran dalam kalangan para pelajar.

# 2 perlawanan BDSFL 2024 diteruskan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Rabu, 28 Februari. - Kejohanan Liga Bola Sepak Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFL) 2024 menyaksikan pasukan-pasukan daripada lapan buah sekolah bersaing mempamerkan kehebatan para pelajar dalam sukan bola sepak.

Kejohanan merupakan julung kalinya diadakan dan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) yang disertai oleh para pelajar daripada sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab.

Kejohanan berkenaan berlangsung pada setiap Isnin dan Rabu di dua buah lokasi, iaitu Padang FABD; dan Padang Kompleks Sukan Tutong.

Di samping mencungkil bakat dan potensi pelajar dalam bidang sukan bola sepak, kejohanan berkenaan diharap dapat menyokong Program Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG) dalam memastikan kehidupan yang sihat.

Selain itu, ia diharap dapat meningkatkan kerjasama dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan di Negara Brunei Darussalam serta nilai-nilai murni melalui sukan bola sepak seperti budaya kehidupan sihat dan cergas, berdisiplin, berdaya tahan, kepimpinan dan semangat berpasukan.

Dalam dua perlawanan pada hari ini, Pasukan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan berjaya mengalahkan pasukan Sekolah Menengah Katok dengan jaringan 3 - 1, di Padang FABD.

Manakala, di Padang Kompleks Sukan Tutong, pasukan Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong berjaya menumpaskan pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah, Lumut dengan jaringan 1 - 0.



SEBAHAGIAN aksi pada Kejohanan Liga Bola Sepak Sekolah-sekolah Brunei Darussalam 2024.

## Tahukah Awda

JABATAN Radiologi Hospital RIPAS adalah pusat pengimejan diagnostik utama di negara ini yang lengkap bagi pengendalian pemeriksaan radiografi umum, CT Scan, Mammografi, Ultrasound dan Fluoroskopi. Dua mesin baharu Jabatan Radiologi iaitu 3.0 Tesla Magnetic Resonance Imaging (MRI) dan 128 Dual Source Computed Tomography (CT) juga telah dirasmikan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan diagnosis yang lebih baik. Mesin 3.0 Tesla MRI berjenama Siemens Magnetom Sykrafit didatangkan dengan Teknologi Biomatrix yang disesuaikan dengan pesakit, untuk meningkatkan keselesaan pesakit. Mesin CT 128 Dual Source CT berjenama Siemens Somatom Drive - Dual X ray Tube and Detector pula ialah CT lebih pantas (imbasan sehingga 458 mm/s).

**SUMBER :** *www.pelitabrunei.gov.bn.*